

BUKU TEKS KELAS PENGAJIAN ISLAM PERKIM

FEKAH

TAHAP LANJUTAN



PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

Edisi Pertama

BUKU TEKS KELAS PENGAJIAN ISLAM PERKIM

FEKAH

TAHAP LANJUTAN



PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)

Edisi Pertama

Cetakan Pertama, 2021
©Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, 2021

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindah kepada bentuk lain sama ada dalam bentuk termasuk elektronik, mekanikal, gambar, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa mendapat izin daripada Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

ISBN 978-967-26038-3-2

Prof. Madya Dr. Razaleigh Muhamat @ Kawangit,
Prof. Madya Dr. A'dawiyah Ismail, Dr. Aisyah Jami'an, S.Ag

1. Pengajian Untuk Mualaf
2. Pengajian Fekah Tahap Lanjutan- Religious Aspects-Islam
I.Judul

Penerbit

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)
Ibu Pejabat PERKIM Kebangsaan
Tingkat 4 & 6, Bangunan PERKIM
150, Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh)
51200 Kuala Lumpur

Laman sesawang: www.perkim.net.my
Tel: 03-40412482/ 03-40426224
Faks: 03-40427403
Website: <https://perkim.net.my>
Emel: info@perkim.net.my

Pencetak

Sarjana Media Sdn. Bhd.
No.38, Jalan Usahawan 7 Off Jalan Kilang,
Taman Sri Rampai, Wilayah Persekutuan
53300 Kuala Lumpur
Tel 03 41417424

EDITORIAL

Penasihat

Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor

Ketua Editor

Tuan Haji Mamat Che Chik

Penolong Ketua Editor

Dr. Suariza@Hidayah Muhammad

Editor

Encik Muhammad Farhan Tee Abdullah

Encik Muhammad Jais Mariappan Abdullah

Puan Siti Munirah Sayed Mohd Hamdan

Puan Nur Syahirah Musa

Encik Abdul Qawi Navine Abdullah

Encik Mohd Yusoff Ahmad

Encik Ghazali Ismail

Encik Mohamad Nizam Abd Razak

Cik Zaatil Hidaayah Ahmad Bustaman

Puan Wan Zubaidah Wan Yusoff

Puan Rukiah Sungip

Encik Zafri Ismaiskandar Abdul Ghani

Encik Sh Muhammad Amiruddin Sh Sulaiman

Haji Khalid Mohd Noor

Encik Syed Azman Syed Ariffin

Puan Siti Nasyrah Rosli

Encik Muhammad Faiz Md Yusoff

Haji Mohd Subri Jaafar

Puan Rosnaliza Ahmadiyah

Puan Aishah Abdul Wahab

Encik Mohd Jogi Panjaitan Maruli

Dr. Mohd Faisal Mohamed

Encik Abdul Ghani Abdullah

Encik Ali Abdullah @ Lee Kin Hong

Puan Nur Habeebah Muniandi

Sidang Editorial

Prof. Madya Dr. Razaleigh Muhamat @ Kawangit

Prof. Madya Dr. A'dawiyah Ismail

Prof. Madya Dr. Mohd Afandi Mat Rani

Prof. Madya Dr. Mariam Abd. Majid

Dr. Muhammad Yusuf Marlon Abdullah

Dr. Nor Raudah Hj. Siren

Dr. Muhammad Ayman al-Akiti

Dr. Aisyah Jami'an, S.Ag

Dr. Azri Bhari

Dr. Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif

Dr. Amiratul Munirah Yahaya

Dr. Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao

Dr. Faezy Adenan

Encik Ahmad A'toa' Mokhtar

Encik Kamarulzaman Kawi

Urusetia

Encik Firdaus Lokman Tah

Encik Ahmad Hasaidi Said

Encik Muhammad Hizam Abdul Rahim

Cik Nur Shazleen R. Samsul Bahari

Cik Umi Musfirah Abdul Ghani

PENDAHULUAN

Buku Pengajian Fekah Tahap Lanjutan ini digunakan untuk membimbing mualaf yang baharu hendak mengenali Islam atau orang bukan Islam yang berminat untuk memahami tentang Islam. Buku pengajian fekah tahap Lanjutan ini akan memberi pendedahan berkaitan hukuman jenayah dalam perundangan Islam.

Jenayah secara dasarnya ialah pencerobohan kesalahan yang dilakukan oleh individu yang melibatkan agama, nyawa, akal, keturunan, anggota tubuh badan serta harta benda individu.

Hukuman akan dikenakan kepada penjenayah melalui peraturan-peraturan dan hukuman yang ditetapkan oleh Allah SWT. Ini bertujuan mendidik, dan menghukum pesalah jenayah tersebut dengan adil dan tegas demi menjaga serta memelihara keselamatan dan keharmonian negara.

Oleh itu, Islam memberi kelonggaran kepada manusia bagi menggunakan akal fikiran yang diberikan oleh Allah SWT bagi mencari cara-cara yang sesuai dengan kehendak manusia dan kemampuannya untuk mencapai kehidupan yang lebih baik dan selesa selaras dengan prinsip syarak.

KANDUNGAN

Pengenalan Fekah Jenayah	1
---------------------------------------	----------

BAHAGIAN 1 - HUDUD

1. HUDUD	2
-----------------------	----------

BAB 1 - ZINA

1.1 ZINA	4
1.1.1 Pengertian Zina	4
1.1.2 Hukum dan Dalil Hukuman Zina	4
1.1.3 Pelaksanaan Hukuman Hudud terhadap Pesalah Jenayah Zina	8
1.1.4 Hukuman Pesalah Jenayah Zina bagi Hamba	11
1.1.5 Hukuman Pesalah Jenayah Zina bagi Perbuatan yang Menyerupai Zina	11
1.1.6 Orang yang Melakukan Zina Kerana Kekeliruan	12
1.1.7 Hukuman Menyetubuhi Haiwan	12

BAB 2 - QAZAF (TUDUHAN BERZINA)

1.2 QAZAF (TUDUHAN BERZINA)	14
1.2.1 Pengertian <i>Qazaf</i>	14
1.2.2 Dalil Pengharaman <i>Qazaf</i>	14
1.2.3 Hukum Melakukan <i>Qazaf</i>	15
1.2.4 Hukuman <i>Qazaf</i> dan Dalilnya	16
1.2.5 Syarat-syarat Hukuman <i>Qazaf</i>	17
1.2.6 Contoh Tuduhan	18
1.2.7 Pengguguran Hukuman <i>Qazaf</i>	18
1.2.8 Syarat-Syarat Saksi <i>Qazaf</i>	20

BAB 3 - MINUM ARAK

1.3 MINUM ARAK	21
1.3.1 Pengertian	21
1.3.2 Dalil dan Hukum Minum Arak	22
1.3.3 Hukuman Meminum Arak	24
1.3.4 Pembuktian Kesalahan Meminum Arak	26
1.3.5 Perbincangan Mengenai Hukum Penyalahgunaan Dadah	26

BAB 4 - MENCURI

1.4 MENCURI	28
1.4.1 Pengertian Mencuri.....	28
1.4.2 Hukum dan Dalil Larangan Mencuri	29
1.4.3 Hukuman bagi Kesalahan Mencuri.....	31
1.4.4 Syarat-syarat Pelaksanaan Hukuman Hudud Kesalahan Mencuri	33
1.4.5 Pensabitan Kes Mencuri.....	35
1.4.6 Pencuri Wajib Bertanggungjawab Terhadap Barang yang Dicuri.....	35

BAB 5 - MEROMPAK (*HIRABAH*)

1.5 MEROMPAK (<i>HIRABAH</i>).....	36
1.5.1 Pengertian Merompak	36
1.5.2 Dalil Hukuman	38
1.5.3 Kategori Jenayah Merompak.....	39
1.5.4 Hukuman bagi Setiap Kesalahan	39
1.5.5 Pengguguran Hukuman.....	41

BAB 6 - BUGHAH

1.6 <i>BUGHAH</i> (PEMBERONTAKAN)	43
1.6.1 Pengertian <i>Bughah</i>	43
1.6.2 Dalil Pengharaman <i>Bughah</i>	44
1.6.3 Hukum Pensabitan <i>Bughah</i>	45
1.6.4 Syarat-syarat Memerangi Pemberontak.....	46
1.6.5 Garis Panduan Memerangi Pemberontak	48
1.6.6 Kesan Peperangan Terhadap Pemberontak.....	49

BAB 7 - MURTAD (*RIDDAH*)

1.7 MURTAD (<i>RIDDAH</i>)	50
1.7.1 Pengertian Murtad	50
1.7.2 Dalil dan Hukum Murtad	50
1.7.3 Garis Penentu Murtad.....	51
1.7.4 Amaran Supaya Berjaga-jaga daripada Terjatuh dalam Kemurtadan	53
1.7.5 Hukuman Murtad	54
1.7.6 Syarat-Syarat Pelaksanaan Hukum	55
1.7.7 Kesan kepada Kesalahan Murtad	55
1.7.8 Kesan Hukuman Mati ke Atas Pesalah Murtad.....	56

BAHAGIAN 2 - QISAS

BAB 1 - QISAS

2.1 QISAS	58
2.1.1 Pengertian Qisas	58
2.1.2 Dalil Pensyariatan Qisas	58
2.1.3 Hukuman Terhadap Kesalahan Qisas.....	59
2.1.4 Syarat-syarat Pelaksanaan Qisas	59
2.1.5 Syarat-syarat Hukuman Qisas bagi Qisas Anggota	62

BAB 2 - KAEDAH PENETAPAN PELAKSANAAN HUKUMAN QISAS

2.2 KAEDAH PENETAPAN PELAKSANAAN HUKUMAN QISAS ...	64
2.2.1 Kaedah Pelaksanaan Hukuman Qisas.....	64
2.2.2 Kaedah Pelaksanaan Hukuman Denda Berbentuk Harta	64
2.2.3 Kaedah Pelaksanaan Qisas dari Segi Kandungan dan Teknikal	65
2.2.4 Syarat-syarat Pelaksanaan Hukuman Qisas yang Dijalankan Sendiri oleh Keluarga Mangsa	66
2.2.5 Tuntutan Bertindih Keluarga Mangsa	68

BAB 3 - DIAT

2.3 DIAT.....	69
2.3.1 Pengertian Diat	69
2.3.2 Dalil Pensyariatan Diat	69
2.3.3 Jenis-jenis Diat Niat Jenayah Qisas	71
2.3.4 Pembahagian Diat Jenayah Qisas	71
2.3.5 Kadar Diat.....	71

BAB 4 - KATEGORI JENAYAH BUNUH BESERTA HUKUMANNYA

2.4 KATEGORI JENAYAH BUNUH	81
2.4.1 Pembunuhan Dengan Niat Atau Sengaja.....	81
2.4.2 Pembunuhan Hampir Sengaja	86
2.4.3 Pembunuhan Tanpa Niat atau Tidak Sengaja.	88

BAHAGIAN 3 - TAKZIR

3. TAKZIR	90
3.1 Pengertian Takzir	90
3.2 Dalil Pensyariatan Takzir	90
3.3 Syarat-syarat Pelaksanaan Takzir	92
3.4 Kesalahan-kesalahan yang Termasuk di Bawah Kategori Takzir	90
3.5 Jenis-jenis Hukuman yang Dikenakan bagi Kesalahan Takzir	93

BAHAGIAN 4 - KAEDAH-KAEDAH PENSABITAN JENAYAH

4. KAEDAH-KAEDAH PENSABITAN JENAYAH	95
4.1 Pengakuan (Ikrar)	95
4.2 Keterangan Saksi (<i>Syahadah</i>)	97
4.3 Sumpah (<i>Al-Yamin</i>)	98
4.4 Bukti atau Tanda-tanda (<i>Qarinah</i>)	99

BAHAGIAN 5 - KESIMPULAN

4. KESIMPULAN	101
---------------------	-----

PENGENALAN FEKAH JENAYAH

Jenayah dari segi bahasa bermaksud dosa atau kesalahan. Jenayah dari segi istilah pula ialah setiap perbuatan yang diharamkan oleh syarak sama ada berlaku terhadap nyawa, diri dan harta. Firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah (5) ayat 49:

وَأَنِ احْكُم بَيْنَهُم بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَاحْذَرْهُمْ أَنْ يَفْتِنُوكَ عَنْ بَعْضِ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ إِلَيْكَ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَاعْلَمُوا أَنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ يُصِيبَهُمْ بِبَعْضِ ذُنُوبِهِمْ وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ النَّاسِ لَفَاسِقُونَ ﴿٤٩﴾

Maksudnya: Dan hendaklah engkau menjalankan hukum di antara mereka dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka, dan berjaga-jagalah supaya mereka tidak memesonkanmu dari sesuatu hukum yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu. Kemudian jika mereka berpaling (enggan menerima hukum Allah itu), maka ketahuilah, hanyakanya Allah mahu menyeksa mereka dengan sebab setengah dari dosa-dosa mereka; dan sesungguhnya kebanyakan dari umat manusia itu adalah orang-orang yang fasik. (49)

Hukuman jenayah dalam Islam yang dikategorikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama ialah hudud. Bahagian kedua adalah qisas. Bahagian ketiga adalah takzir. Hukuman hudud dan qisas adalah hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Manakala hukuman takzir pula adalah hukuman yang ditetapkan oleh pemerintah sesebuah negara. Kepentingan ketetapan peraturan hukuman ke atas jenayah yang dilakukan oleh individu adalah bertujuan untuk mendidik individu tersebut serta untuk menjamin keselamatan individu yang lain.

BAHAGIAN 1

HUDUD

1. HUDUD

Pengertian dari Segi Bahasa: Had-had atau sekatan-sekatan.

Pengertian dari Segi Istilah: Hudud ialah hukuman yang telah ditetapkan kadarnya oleh syarak. Hukuman ini tidak boleh ditambah atau dikurangkan atas nama hukum hudud.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzaab (33) ayat 36:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ
يَكُونُوا لَهُمُ الْخِيَرَةُ مِنْ أَمْرِهِمْ وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ
ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

Maksudnya: Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata. (36)

Hukuman hudud disebut dengan jelas dalam al-Quran dan Sunah bahawa hudud terdiri daripada tujuh kesalahan. Tujuh kesalahan-kesalahan hudud tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Zina.
- 2) *Qazaf* (tuduhan berzina).
- 3) Minum arak.
- 4) Mencuri.
- 5) Rompak (*hirabah*).
- 6) Bughah (memerangi kerajaan yang sah).
- 7) Murtad (*riddah*).

Dalam aspek lain perundangan Islam, hudud juga merujuk kepada had-had tertentu, yang mana, al-Quran melarang perbuatan membunuh dan menyebabkan kecederaan secara ringkasnya kesalahan yang melibatkan tumpahnya darah. Ini juga adalah had-had atau batasan sistem kehidupan Islam yang dipagari dengan perundangannya.

BAB 1

ZINA

1.1 ZINA

1.1.1 Pengertian Zina

Pengertian dari Segi Bahasa: Hina atau keji.

Pengertian dari Segi Istilah: Zina ialah melakukan persetubuhan iaitu masuknya alat kelamin lelaki (zakar) kedalam alat kelamin wanita (faraj), walaupun hanya sebahagian, dengan tidak adanya pernikahan yang sah antara keduanya.

1.1.2 Hukum dan Dalil Hukuman Zina

Hukum zina adalah haram. Orang yang berzina akan dikenakan hukuman hudud.

Hukuman Pesalah Jenayah Zina bagi *Muhsan* dan *Ghairu Muhsan*

Penzina yang melakukan zina disebabkan kekeliruan (syubhah) yang dimaafkan oleh syarak tidak dikenakan hukuman zina. Malah mungkin tidak berdosa sama sekali, sama ada orang tersebut seorang muhsan mahupun bukan muhsan.

Sementara penzina yang melakukan zina tanpa sebarang kekeliruan (syubhah) akan dianggap berdosa dan dikenakan hukuman zina. Hukuman zina berbeza bergantung kepada pelaku seorang muhsan atau tidak.

1.1.2.1 Hukuman *Penzina Muhsan* (Orang yang berkahwin)

Terdiri daripada mereka yang dikenali sebagai suami, duda, janda atau isteri.

Hukuman *penzina muhsan* ialah direjam dengan batu sehingga mati. Dalam hadis riwayat Imam Muslim (1691), daripada Abdullah bin Abbas RA:

...فَرَجَمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ،
وَرَجَمْنَا بَعْدَهُ، فَأَخَشَى أَنْ طَالَ بِالنَّاسِ
زَمَانٌ أَنْ يَقُولَ قَائِلٌ: مَا نَجِدُ الرَّجْمَ فِي
كِتَابِ اللَّهِ فَيَضِلُّوا بِتَرْكِ فَرِيضَةٍ أَنْزَلَهَا اللَّهُ...

Bermaksud: "...Rasulullah telah melaksanakan hukuman rejam pada zaman Baginda, dan kami meneruskan hukuman ini selepas kewafatan Rasulullah kerana bimbang apabila zaman terus berlalu dan akan ada manusia yang berkata: Kami tidak mendapati hukum rejam di dalam al-Quran. Lalu mereka sesat kerana meninggalkan kefarduan yang ditetapkan oleh Allah...."

Syarat-syarat *muhsan* ialah orang yang memenuhi ciri-ciri berikut berikut:

- 1) Mukalaf iaitu baligh dan berakal.
- 2) Merdeka. Hamba yang berzina akan dikenakan separuh hukuman sebat sama ada muhsan atau bukan muhsan.
- 3) Pernah melakukan persetubuhan melalui pernikahan yang sah, sama ada masih beristeri ketika berzina mahupun tidak. Bagi orang yang pernah melakukan persetubuhan melalui cara yang tidak dibenarkan syarak dia dikategorikan sebagai muhsan.

Sesiapa yang memenuhi ketiga-tiga ciri ini, dia tertakluk kepada hukuman zina terhadap muhsan. Ciri-ciri ini merangkumi perempuan dan juga lelaki. Bukan muhsan pula ialah orang yang tidak memenuhi ciri-ciri di atas. Misalnya bukan mukalaf atau belum pernah melakukan persetubuhan yang dibenarkan syarak dalam pernikahan yang sah.

1.1.2.2 Hukuman Penzina *Ghairu Muhsan* (Bukan Orang yang Berkahwin)

Terdiri daripada mereka yang dikenali sebagai jejaka, teruna, gadis atau dara.

Hukuman bagi penzina *ghairu muhsan* ialah 100 kali sebatan dan dibuang negeri selama setahun. Cuma bagi pesalah perempuan, hukuman ini perlu disertai oleh mahram. Hukuman ini tidak boleh dilakukan tanpa mahram perempuan. Ini kerana seorang perempuan tidak dibenarkan bermusafir melainkan bersama mahramnya.

Firman Allah SWT dalam Surah an-Nur (24) ayat 2:

الرَّائِيَةُ وَالرَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا
مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي
دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ وَلَيْشَهَدَ عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ
الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾

Maksudnya: Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat; dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman. (2)

Syarat-syarat *ghairu muhsan* ialah orang yang memenuhi ciri-ciri berikut:

- 1) Mukalaf iaitu pesalah zina mestilah baligh dan berakal.
- 2) Tidak dipaksa. Lelaki dan perempuan yang dipaksa berzina contohnya diugut untuk

dibunuh lalu dia melakukan kesalahan ini, tidak akan dihukum.

- 3) Kesalahan zina tersebut tidak disebabkan kekeliruan (syubhah) dimaafkan syarak. Tiada sebarang hukuman yang akan dikenakan sekiranya kesalahan zina dilakukan dalam keadaan wujud kekeliruan (syubhah).

1.1.3 Pelaksanaan Hukuman Hudud Terhadap Pesalah Jenayah Zina

Hukuman hudud hanya boleh dilaksanakan oleh pemerintah oleh wakil yang dilantikannya. Hukuman ini tidak boleh dilaksanakan oleh orang lain selain daripada yang disebutkan ini. Cuma bagi hamba lelaki atau perempuan, hukuman hudud berhak dilaksanakan oleh tuan kepada hamba tersebut.

1.1.3.1 Pelaksanaan Hukuman Hudud Terhadap Pesalah yang Lemah

Sekiranya pezina yang telah disabitkan hukuman rejam berada dalam keadaan tidak bermaya atau sakit, ataupun cuaca didapati terlalu sejuk atau terlalu panas, hukuman rejam tidak akan ditanggung. Ini kerana pesalah akan dihukum mati.

Oleh itu, tiada beza sama ada dia sihat atau tidak sihat. Bagi pesalah yang dihukum sebat, hukuman akan ditanggung sehingga dia kembali sihat atau cuaca telah berubah. Namun demikian, sekiranya pemerintah tetap melaksanakan hukuman tersebut hingga menyebabkan pesalah meninggal dunia, pemerintah tidak akan didenda. Ini kerana kematian ini berlaku disebabkan hukuman yang perlu dijalankan atasnya.

Pesalah yang tidak bermaya akan disebat dengan menggunakan tandan buah yang mempunyai 100 ranting. Sekiranya tandan tersebut hanya 50 ranting, pesalah akan disebat dua kali. Kesemua ranting hendaklah mengenai tubuhnya supaya pesakit merasa sakit sedikit. Pesalah ini juga boleh disebat dengan kasut atau kain baju.

1.1.3.2 Kaedah Rejaman

Pesalah perempuan digalakkan untuk digali lubang untuknya jika kesalahannya disabitkan dengan bukti. Sekiranya kesalahannya disabitkan pengakuan, lubang tidak perlu digali. Ini kerana membolehkan dia melarikan diri sekiranya dia mahu menarik balik pengakuannya. Bagi pesalah lelaki pula, dia tidak akan ditanam.

Semua tubuh muhsan adalah tempat untuk direjam baik tempat yang boleh membunuh atau tidak. Walau bagaimanapun adalah lebih baik sekiranya muka dielakkan kerana terdapat beberapa pendapat yang menegahnya.

Kawasan perejam mestilah tidak terlalu jauh supaya tidak tersilap baling dan tidak terlalu dekat supaya tidak terlalu menyakitkannya. Sesiapa sahaja yang hadir digalakkan turut serta merejam sekiranya kesalahan tersebut disabitkan dengan keterangan bukti.

Mereka tidak digalakkan untuk turut serta jika kesalahan tersebut disakitkan melalui pengakuan. Aurat pesalah lelaki mestilah ditutup sementara seluruh tubuh pesalah perempuan yang merdeka mestilah ditutup ketika rejaman. Mereka hendaklah diikat atau dibelunggu.

Rejaman dilakukan dengan tanah keras atau batu bersaiz sederhana sebesar tapak tangan. Bukan menggunakan batu yang terlalu kecil kerana ia akan memanjangkan seksaan pesalah.

Demikian juga batu besar boleh membawa maut serta merta yang akan menyebabkan tujuan hukuman berat ini untuk pencegahan tidak akan tercapai. Pemerintah, saksi-saksi kes dan juga sejumlah orang Islam merdeka digalakkan hadir ketika hukuman dijalankan.

Mengikut sunah, jika kesalahan tersebut disabitkan dengan akuan, hukuman akan dimulakan oleh pemerintah kemudian orang ramai.

Bagi kesalahan yang disabitkan bukti saksi mengikut sunah, rejaman akan dimulakan oleh saksi-saksi kes diikuti oleh pemerintah dan orang ramai. Sebelum dimulakan, pesalah perlu digalakkan supaya bertaubat supaya penghujung hayat dan usia berakhir dengan taubat.

Sekiranya masuk waktu sembahyang, pesalah diperintahkan supaya bersembahyang. Sekiranya pesalah mahu mendirikan sembahyang sunat, dia dibenarkan untuk bersembahyang sunat sebanyak dua rakaat. Sekiranya pesalah meminta minuman, dia dibenarkan untuk minum.

Namun sekiranya pesalah meminta makanan, permintaannya tidak akan dibenarkan. Ini kerana minuman tersebut akan menghilangkan hausnya yang telah berlaku ketika itu. Berbeza dengan makanan, kerana makanan akan mengenyangkannya untuk masa akan datang.

1.1.4 Hukuman Pesalah Jenayah Zina bagi Hamba

Apabila seorang hamba, perempuan atau lelaki berzina dan mereka telah disabitkan melakukan jenayah tersebut, mereka akan dihukum 50 sebatan dan dibuang negeri selama setengah tahun. Tidak kira sama ada mereka *muhsan* atau *ghairu muhsan*.

1.1.5 Hukuman Pesalah Jenayah Zina bagi Perbuatan yang Menyerupai Zina

Liwat ialah persetubuhan pada dubur, baik yang disetubuhi itu lelaki mahupun perempuan. Menurut pendapat mazhab yang sahih, hukum perbuatan ini ialah hukum zina bagi pihak pelaku sekiranya wujud bukti atau pengakuan.

Sekiranya pelaku seorang *muhsan*, dia akan direjam hingga mati. Sekiranya pelaku *ghairu muhsan*, dia akan disebat sebanyak 100 sebatan dan dibuang negeri selama setahun.

Sementara orang yang diperlaku pula, jika bukan isterinya sendiri akan dibuang negeri sama seperti hukuman zina bukan muhsan, walaupun dia seorang lelaki ataupun perempuan muhsan. Ini kerana tempat sasaran pelakuan ini (dubur) tidak melibatkan masalah muhsan atau tidak. Menurut satu pendapat, perempuan yang muhsan akan direjam.

Menurut pendapat Imam Syafie, pelaku liwat dihukum bunuh manakala terdapat mazhab lain yang menyebut bahawa pelaku liwat dibakar. Perbuatan meliwat isteri pula adalah haram dan ia termasuk dalam dosa besar. Bagi sesiapa yang melakukan perbuatan ini dengan isterinya, boleh dihukum oleh hakim mengikut hukuman takzir yang sesuai dengan syarat tidak sampai ke tahap minima hudud yang ditetapkan.

1.1.6 Orang yang Melakukan Zina Kerana Kekeliruan

Orang yang melakukan zina kerana kekeliruan yang dimaafkan syarak. Contohnya menyetubuhi perempuan yang disangkakan isterinya, kemudian mendapati perempuan tersebut bukan isterinya.

Ataupun dia menyangka perempuan tersebut belum bersuami atau bukan mahram lalu dia mengahwininya. Namun kemudian dia mendapati perempuan tersebut masih bersuami dan masih dalam ikatan suaminya.

Ataupun perempuan tersebut saudara perempuan susuan dengannya. Dalam kes ini, zina dilakukan tidak menyebabkan pelaku berdosa dan tidak akan dikenakan hukuman zina, sama ada muhsan atau bukan muhsan. Ini kerana wujud keraguan dalam kes ini.

Walau bagaimanapun, pelaku masih tertakluk kepada keputusan mahkamah yang akan dinyatakan nanti. Terdapat juga beberapa contoh perbuatan zina yang dianggap berdosa tetapi tidak akan dikenakan hukuman zina.

Bagi orang yang melakukan zina dengan kemahuan sendiri tanpa sebarang kekeliruan (syubhah), hukuman bergantung kepada statusnya sama ada muhsan atau bukan muhsan.

1.1.7 Hukuman Menyetubuhi Haiwan

Orang yang menyetubuhi haiwan akan dikenakan hukum takzir dan bukan hudud berdasarkan pandangan yang kuat dalam mazhab. Ini kerana perbuatan ini tidak sepatutnya dilakukan oleh orang yang mempunyai keinginan yang normal. Malah perbuatan ini ditolak oleh tabiat semula jadi manusia yang normal.

Atas dasar ini, kesalahan ini tidak memerlukan hukuman yang berbentuk pencegahan. Ini kerana hudud ditetapkan sebagai suatu hukuman pencegahan supaya manusia tidak melakukan perbuatan yang disukai tabiat manusia dengan cara yang tidak dibenarkan syarak.

Takzir adalah suatu hukuman yang tidak ditetapkan kadarnya oleh syarak. Hukuman ini dijatuhkan oleh hakim yang beragama Islam dan adil iaitu hukuman yang dirasakan boleh mencegah manusia melakukan perbuatan keji ini.

Hukuman ini boleh dikenakan dalam bentuk sebatan, buang negeri, penjara atau denda. Ini kerana perbuatan seperti ini adalah perbuatan maksiat yang tidak termasuk dalam kesalahan hudud dan tidak akan dikenakan kafarah. Apabila hudud tidak dikenakan, kesalahan ini perlu dikenakan hukuman takzir.

BAB 2

QAZAF (TUDUHAN BERZINA)

1.2 QAZAF (TUDUHAN BERZINA)

1.2.1 Pengertian *Qazaf*

Pengertian dari Segi Bahasa: Lempar.

Pengertian dari Segi Istilah: *Qazaf* ialah melemparkan tuduhan berzina dengan tujuan mencaci dan memalukan.

Tujuan mencaci dan memalukan di sini bererti laporan mengenai seseorang perempuan atau keterangan saksi, tidak termasuk dalam pengertian kesalahan ini dan tidak dikenakan hudud, sekiranya saksi kurang daripada empat orang. Sekiranya cukup empat orang saksi hukuman hudud akan dikenakan.

1.2.2 Dalil Pengharaman *Qazaf*

Firman Allah SWT dalam Surah an-Nur (24) ayat 4-5:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ
شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ
شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٤﴾ إِلَّا الَّذِينَ
تَابُوا مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ وَأَصْلَحُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ



Maksudnya: *Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selamalamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik; - (4) Kecuali orang-orang yang bertaubat sesudah itu (dari kesalahannya yang tersebut) serta memperbaiki amalannya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (5)*

1.2.3 Hukum Melakukan Qazaf

Orang Islam diharamkan melakukan *qazaf* iaitu menuduh orang Islam yang lain melakukan perbuatan zina. Tidak kira sama ada apa yang dikatakan itu benar sekiranya tuduhan tersebut palsu, ia adalah fitnah dan merupakan satu kezaliman.

Sifat berbohong adalah perbuatan yang paling buruk dan hukumnya haram. Walaupun tuduhan tersebut benar, ia tetap dianggap salah kerana perbuatan ini akan mendedahkan rahsia dan mencemarkan maruah saudaranya.

Allah SWT telah memerintahkan supaya kesalahan seperti ini disembunyikan oleh pelakunya. Perbuatan ini hanya akan menghebahkan desas-desus yang tidak baik kepada masyarakat. Atas alasan ini, syarak meletakkan tuduhan berzina sebagai dosa besar.

1.2.4 Hukuman Qazaf dan Dalilnya

Hukuman bagi jenayah *Qazaf* yang memenuhi syarat-syarat hudud ialah 80 sebatan. Selain itu, hak pesalah untuk menjadi saksi juga akan digugurkan, kecuali sekiranya dia bertaubat. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah an-Nur (24) ayat 4-5:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ
شُهَدَاءَ فَأَجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ
شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٤﴾ إِلَّا الَّذِينَ
تَابُوا مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ وَأَصْلَحُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ



Maksudnya: Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik; - (4) Kecuali orang-orang yang bertaubat sesudah itu (dari kesalahannya yang tersebut) serta memperbaiki amalannya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (5)

1.2.5 Syarat-syarat Hukuman *Qazaf*

Sesuatu hukuman terhadap pesalah *qazaf* akan hanya dijalankan setelah memenuhi 10 syarat berikut. Lima syarat pada penuduh dan lima syarat pada mangsa yang dituduh.

a) Syarat-syarat pada penuduh.

- 1) Baligh.
- 2) Berakal.
- 3) Penuduh mestilah tidak mempunyai ikatan dengan pihak yang dituduh.
- 4) Sukarela.
- 5) Penuduh mengetahui perbuatan tersebut diharamkan.

b) Syarat-syarat pada yang dituduh.

- 1) Islam.
- 2) Baligh.
- 3) Berakal.
- 4) Berakhlak baik iaitu tidak pernah disabitkan dengan kesalahan berzina sebelum itu.
- 5) Tidak memberi keizinan kepada penuduh untuk menuduhnya. Walaupun sebenarnya keizinan ini tidak boleh membenarkan tuduhan zina dibuat. Namun dengan adanya keizinan ini, ia mewujudkan keraguan.

Sekiranya tidak memenuhi syarat hudud bagi jenayah *qazaf*:

Sekiranya kesemua atau salah satu syarat-syarat hukuman *qazaf* tidak dipenuhi, hukuman hudud akan digugurkan. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna digugurkan sama sekali daripada penuduh. Sebaliknya penuduh dikenakan takzir. Pemerintah boleh menghukum penuduh mengikut hukuman yang difikirkan sesuai seperti

penjara atau sebat. Dengan syarat tersebut tidak mencapai tahap minimum hudud.

1.2.6 Contoh Tuduhan

Tuduhan zina boleh disabitkan apabila seseorang berkata: “*engkau berzina*”, “*wahai penzina*”, “*wahai gay*,” “*engkau telah meliwat*,” “*engkau meliwat seseorang*,” “*wahai peliwat*”, “*wahai orang yang diliwat*” kepada perempuan seperti “*wahai perempuan sundal*”.

Apabila berkata kepada anak lelaki si fulan: “*engkau bukan anaknya*” atau “*engkau bukan zuriatnya*”. Termasuklah apa sahaja kata-kata yang boleh merujuk kepada maksud tersebut.

1.2.7 Pengguguran Hukuman *Qazaf*

Hukuman hudud bagi kesalahan *qazaf* (tuduhan berzina) boleh digugurkan melalui kaedah berikut:

- 1) Tertuduh telah disahkan melakukan kesalahan zina melalui bukti atau pengakuan oleh tertuduh sendiri. Pembuktian dilakukan apabila penuduh disertai tiga orang saksi lagi. Keterangan yang diberikan pula dinyatakan dengan jelas. Begitu juga sekiranya tertuduh mengaku kebenaran tuduhan tersebut, hukuman hudud kesalahan *qazaf* akan digugurkan. Hukuman hudud dikenakan kepada pihak yang dituduh.
- 2) Sekiranya tidak cukup tiga orang saksi yang menyokong tuduhannya, bukti tersebut tidak diterima. Dengan ini penuduhan dan semua saksi dihukum sebagai penuduh zina. Mereka akan disabitkan dengan hudud bagi kesalahan *qazaf*.

- 3) Pengampunan oleh pihak yang dituduh seperti mana pengampunan oleh keluarga mangsa dalam kes bunuh. Ini kerana hukuman ini hak manusia dan hukuman ini akan gugur apabila pihak yang menggugurkannya. Apabila pihak yang dituduh mengampunkan penuduh di hadapan hakim, hukuman hudud akan digugurkan daripada penuduh.

Ucapan sumpah *li'an* iaitu apabila penuduh ialah suami dan yang dituduh ialah isteri. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah an-Nur (24) ayat 6-7:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ أَزْوَاجَهُمْ وَلَمْ يَكُن لَّهُمْ شُهَدَاءُ
إِلَّا أَنْفُسُهُمْ فَشَهَدَةُ أَحَدِهِمْ أَرْبَعُ شَهَدَاتٍ بِاللَّهِ
إِنَّهُ لَمِنَ الصَّادِقِينَ ﴿٦﴾ وَالْخَمِيسَةُ أَنْ لَعْنَتُ
اللَّهِ عَلَيْهِ إِنْ كَانَ مِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿٧﴾

Maksudnya: Dan orang-orang yang menuduh isterinya berzina, sedang mereka tidak ada saksi-saksi (yang mengesahkan tuduhannya itu) hanya dirinya sendiri, maka persaksian (sah pada syarak) bagi seseorang yang menuduh itu hendaklah ia bersumpah dengan nama Allah, empat kali, bahawa sesungguhnya ia dari orang-orang yang benar; -Dan sumpah yang kelima (hendaklah ia berkata): Bahawa laknat Allah akan menimpa dirinya jika ia dari orang-orang yang dusta.

Hikmah pensyairan sumpah *li'an* ialah suami jarang sekali menuduh isterinya berzina di mahkamah

melainkan apa yang didakwa tersebut sememangnya benar. Apabila diminta untuk mengemukakan saksi, ia sudah bercanggah dengan etika yang sepatutnya memelihara maruahnyanya. Tambahan lagi mereka suami isteri hidup bersama.

Oleh itu suami tidak dapat berdiam diri dan mengabaikannya sahaja. Seolah-olah isterinya adalah orang asing yang tiada hubungan dengannya. Oleh itu, Allah SWT menetapkan kaedah *li'an* yang telah dibincangkan sebelum ini, sebagai langkah penyelesaian dalam kes ini.

1.2.8 Syarat-Syarat Saksi Qazaf

- 1) Islam. Sekiranya orang kafir, tidak akan diterima, malah mereka akan dikenakan hukuman hudud bagi kesalahan *qazaf*.
- 2) Saksi mestilah lelaki. Sekiranya terdapat empat orang saksi perempuan keterangan mereka tidak akan diterima dan mereka akan dikenakan hukuman hudud bagi kesalahan *qazaf*.
- 3) Merdeka. Sekiranya saksi terdiri daripada hamba, mereka akan dikenakan hukuman hudud bagi kesalahan *qazaf*.

Perlu diingatkan di sini bahawa hukuman hudud bagi kesalahan terhadap hamba ialah separuh daripada hukuman terhadap orang merdeka. Hamba akan disebat sebanyak 40 kali sebatan.

BAB 3

MINUM ARAK

1.3 MINUM ARAK

1.3.1 Pengertian

Pengertian dari Segi Bahasa: Arak berasal dari perkataan al-Khamru yang bererti menutupi.

Pengertian dari Segi Syarak: Menurut pengertian Islam arak adalah sesuatu minuman atau makanan yang memabukkan atau menjadikan pemakan atau peminumnya hilang akal yang waras.

Orang yang minum arak atau minuman yang memabukkan, walau apa sekalipun bahan asal atau namanya, akan dikenakan hukuman hudud, tanpa mengira sama ada sedikit mahupun banyak.

Menurut Imam Malik, Imam asy-Syafie dan Imam Ahmad perkataan minum arak itu bermaksud minum cecair yang memabukkan sama ada ia dinamakan dengan khamar atau tidak, sama ada ia berasal daripada perahan anggur ataupun lainnya seperti tamar, anggur kering, gandum, barli dan padi sama ada ia memabukkan dengan kadarnya yang sedikit atau dengan kadarnya yang banyak.

Tetapi Imam Abu Hanifah dan ulamak mazhabnya berpendapat maksud minum di sini ialah minum arak semata-mata, sama ada kadar yang diminum itu sedikit ataupun banyak. Arak menurut mereka adalah nama khusus untuk tiga jenis cecair sahaja iaitu:

- 1) Air anggur yang naik membuih sama ada dimasukkan pati susu ke dalamnya atau tidak.

- 2) Air anggur yang dimasak apabila berkurangan kadarnya tidak melebihi dua pertiga kadar asal dan ia menjadi bahan yang memabukkan.
- 3) Air tamar dan anggur kering yang ditakung apabila ia naik membuih sama ada dimasukkan pati susu ke dalamnya atau tidak.

1.3.2 Dalil dan Hukum Minum Arak

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Maa'idah (5) ayat 90:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنصَابُ
وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. (90)*

Hukum minum arak adalah haram. Begitu juga meminum minuman yang memabukkan sama ada arak (خمر), iaitu yang dibuat daripada perahan anggur atau bukan arak, iaitu yang dibuat daripada benda lain.

Arahan supaya menjauhi arak adalah lebih kuat daripada tegahan meminumnya. Hal ini kerana tegahan sahaja tidak termasuk tegahan lain yang berkaitan dengannya,

seperti melayan seseorang minum, membeli atau menjualnya.

Sementara, arahan menjauhinya pula bermaksud, amaran supaya menjauhi segala perkara yang berkaitan dengan arak, termasuk minum dan sebagainya.

Setiap Perkara yang Memabukkan Adalah Haram. Ayat al-Quran terdahulu mengharamkan arak yang dibuat daripada anggur sahaja, tetapi pengharaman tersebut termasuklah semua benda yang memabukkan.

Ini berdasarkan hadis riwayat Imam al-Bukhari (5263) dan Imam Muslim (2001), daripada Nabi SAW:

كُلُّ شَرَابٍ أَسْكَرَ فَهُوَ حَرَامٌ

Bermaksud: *“Semua yang memabukkan adalah haram”.*

Hadis ini menjelaskan maksud arak, iaitu semua perkara yang memabukkan. Semua benda yang memabukkan walau apa pun namanya, hukum meminumnya adalah sama dengan hukum arak, iaitu haram.

Menurut ijmak ulama, pengharaman arak adalah kerana ia memabukkan. Oleh itu, pengharaman tersebut mestilah sama atas semua minuman yang memabukkan tanpa perbezaan walau apa jua asalnya.

Ini berdasarkan hadis riwayat Abu Daud (3688) dan Ibn Majah (4020), daripada Abu Malik bin al-Asy'ari RA, dia mendengar Rasulullah SAW bersabda:

لَيْشَرِبَنَّ نَاسٌ مِنْ أُمَّتِي الْحَمْرَ يُسْمُوهُنَّ بِغَيْرِ اسْمِهَا

Bermaksud: *“Demi sesungguhnya manusia di kalangan umatku akan minum arak yang mereka namakannya dengan nama yang lain”.*

1.3.3 Hukuman Meminum Arak

Hukuman bagi kesalahan minum arak ialah 40 kali sebatan. Namun hukuman ini boleh boleh mencecah sehingga 80 kali sebatan sebagai hukuman takzir, bukan hudud. Namun sekiranya perlu, pemerintah boleh menambah 40 sebatan lagi kepada hukuman ini sebagai hukuman takzir terutama apabila kesalahan minum arak ini berleluasa. Tindakan ini sebagai satu langkah pencegahan. Berdasarkan hadis riwayat Imam Muslim (1706), daripada Anas RA:

كَأَنَّ يَضْرِبُ فِي الْحُمْرِ بِالْجَرِيدِ وَالنِّعَالِ أَرْبَعِينَ

Bermaksud: *“Nabi SAW menyebat peminum arak sebanyak 40 kali sebatan dengan pelepah tamar dan selipar”.*

Dalam hadis yang lain riwayat Imam Muslim (4551), daripada Anas RA:

أَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَلَدَ فِي الْحُمْرِ بِالْجَرِيدِ وَالنِّعَالِ ثُمَّ جَلَدَ أَبُو بَكْرٍ أَرْبَعِينَ. فَلَمَّا كَانَ عُمَرُ وَدَنَا النَّاسُ مِنَ الرَّيْفِ وَالْقُرَى قَالَ: مَا تَرَوْنَ فِي جَلْدِ الْحُمْرِ؟ فَقَالَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ: أَرَى أَنْ يَجْعَلَهَا كَأَحْفِ الْخُدُودِ. قَالَ: فَجَلَدَ عُمَرُ ثَمَانِينَ

Bermaksud: “Nabi SAW menyebat peminum arak dengan pelepah tamar dan selipar sebanyak 40 kali. Abu Bakar juga pernah menyebat 40 kali. Pada zaman Umar RA, ramai orang dari pedalaman dan kampung datang ke Madinah, lalu Umar bertanya kepada para sahabat, katanya: “Apakah pendapat kamu tentang hukuman sebat atas peminum arak?” Jawab Abdul Rahman bin ‘Auf: “Aku fikir, kamu menjalankan hukum hudud yang paling ringan.” Abdul Rahman berkata: “Selepas itu, Umar RA menghukum 80 kali sebatan”.

Tindakan Umar tersebut menunjukkan bahawa sebatan yang melebihi 40 kali adalah takzir dan bukan hudud.

Ini berdasarkan hadis riwayat Imam Muslim (1707), daripada Usman RA:

فَاجْلِدْهُ يَا عَبْدَ اللَّهِ بْنِ جَعْفَرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا.
وَعَلَى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يُعَدُّ حَتَّى بَلَغَ أَرْبَعِينَ فَقَالَ
أَمْسِكْ. ثُمَّ قَالَ جَلَدَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
أَرْبَعِينَ وَجَلَدَ أَبُو بَكْرٍ أَرْبَعِينَ وَعُمَرُ ثَمَانِينَ وَكُلُّ سُنَّةٍ
وَهَذَا أَحَبُّ إِلَيَّ

Bermaksud: “Usman RA memerintahkan al-Walid bin Uqbah bin Abu Muait disebat, lalu dilakukan oleh Abdullah bin Jaafar RA, manakala Ali RA pula mengirannya. Apabila sampai 40 kali sebatan, Ali memberitahu Abdullah supaya berhenti, seraya berkata: “Nabi SAW menyebat 40 kali, begitu juga Abu

Bakar, akan tetapi, Umar RA menyebat 80 kali. Semuanya adalah sunnah. Namun, hukuman ini yang lebih aku suka”.

1.3.4 Pembuktian Kesalahan Meminum Arak

Hukuman hudud bagi kesalahan minum minuman yang memabukkan disabitkan kesalahan berpandukan kepada dua kaedah berikut :

- 1) Bukti iaitu keterangan oleh dua orang saksi muslim yang adil.
- 2) Pengakuan iaitu pesalah membuat pengakuan telah meminum minuman yang memabukkan. Pengakuan oleh pesalah sudah tentu menjadi hujah yang boleh menggantikan bukti.

Hukuman ini tidak boleh disabitkan berdasarkan muntah atau mencium bau mulut kerana ada kemungkinan ia diminum secara tidak sengaja atau tersilap. Dalam keadaan ini, hudud digugurkan kerana wujud keraguan.

1.3.5 Perbahasan Mengenai Hukum Penyalahgunaan Dadah

Tidak terdapat nas keterangan di dalam al-Quran dan as-Sunah tentang hukum dadah, dan tidak terdapat apa-apa keterangan pendapat dari imam-imam yang mujtahid dalam keempat-empat mazhab (Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafie dan Imam Ahmad bin Hanbal) mengenai hukum dadah.

Ini ialah kerana dadah belum terkenal dalam zaman mereka. Apabila masalah ini timbul pada akhir abad keenam hijrah, para ulamak fiqh telah berjihad untuk mendapatkan hukum dadah dengan berqiasikan kepada arak, iaitu dengan melihat kepada dalil-dalil yang

disebutkan dalam pengharaman arak dan juga dalam alasan hukum dan sejauh mana wujud persamaan antara arak dengan dadah dalam alasan hukum tersebut.

Dadah adalah haram hukumnya dari segi syarak. Dalil pengharaman itu berdasarkan kepada keterangan nas kerana ia termasuk dalam pengertian umum "benda-benda yang memabukkan' atau dengan berqias kepada "arak" kerana kedua-duanya mempunyai alasan hukum yang sama, iaitu "memabukkan' atau kerana terdapat dalam dadah keburukan-keburukan terhadap individu dan masyarakat.

Dalam hal ini, ulamak berpendapat hukuman (had) bagi kesalahan menagih dadah juga turut diqiaskan kepada hukuman yang dikenakan ke atas kesalahan meminum arak.

BAB 4

MENCURI

1.4 MENCURI

1.4.1 Pengertian Mencuri

Pengertian dari Segi Bahasa: Mencuri berasal daripada perkataan Bahasa Arab iaitu “*as-sariqah*” yang bermaksud mengambil sesuatu secara sulit.

Pengertian dari Segi Istilah: Mencuri ialah mengambil harta orang lain secara sulit tanpa sebarang hak dari tempat simpanan dengan syarat-syarat tertentu.

Maksud secara sulit di sini menunjukkan bahawa merampas tidak termasuk dalam istilah ini. Ini kerana perampas merampas sesuatu harta tanpa berselindung. Oleh itu, rampasan tidak termasuk dalam istilah mencuri dan tidak dikategorikan dalam hukuman curi.

Sementara maksud harta orang lain di sini menunjukkan penjarahan kubur tidak termasuk dalam istilah ini. Penjarahan kubur ialah mencuri harta dari kubur seperti kain kafan. Perbuatan ini tidak termasuk dalam definisi mencuri kerana harta tersebut tidak dimiliki oleh sesiapa.

Walau bagaimanapun, perbuatan ini tetap dilarang sebagai menghormati mayat. Namun demikian, sekiranya kubur tersebut berada di dalam rumah atau kawasan kubur tersebut terletak di sudut bangunan, penjarahan kubur dikategorikan sebagai mencuri dan akan dikenakan hukuman curi.

Mazhab Hanafi mentakrifkan mencuri ialah pengambilan harta yang cukup nisab pembalasan hukuman potong oleh

seorang yang sudah baligh dan sempurna akal nya. Harta tersebut tidak mudah mengalami kerosakan, dimiliki oleh orang lain, diambil secara tanpa disadari dari tempat simpanannya secara syubhah.

Bagi Mazhab Maliki, mencuri ialah pengambilan harta orang lain secara diam-diam tanpa ia diamanatkan kepadanya.

Di dalam Mazhab Syafie, mencuri ialah suatu harta yang diambil secara senyap dan zalim daripada tempat simpanannya dengan terikat kepada beberapa syarat.

Manakala Mazhab Hanbali mendefinisikan mencuri ialah perbuatan mengambil harta tanpa pengetahuan pemilik dan dilakukan secara sembunyi.

1.4.2 Hukum dan Dalil Larangan Mencuri

Perbuatan mencuri merupakan perbuatan makiat yang dikategorikan sebagai dosa besar dalam agama Islam. Hukuman bagi pelakunya tidak sekadar dijanjikan di akhirat, bahkan diperuntukkan juga di dunia kerana mencuri merupakan perbuatan yang zalim. Allah SWT berfirman di dalam al-Quran, Surah al-Maa'idah (5) ayat (38):

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جِزَاءً بِمَا

كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٣٨﴾

Bermaksud: *Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan*

(ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (38)

Dalam sebuah hadis riwayat Imam Muslim (1015), Nabi Muhammad SAW bersabda:

أَيُّهَا النَّاسُ، إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا، وَإِنَّ اللَّهَ
أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ، فَقَالَ: { يَا أَيُّهَا
الرُّسُلُ كُلُّوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا، إِنِّي بِمَا
تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ } [المؤمنون: ٥١] وَقَالَ: { يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا
رَزَقْنَاكُمْ } [البقرة: ١٧٢]، ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يُطِيلُ
السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ، يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ، يَا رَبِّ،
يَا رَبِّ، وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ، وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ، وَمَلْبَسُهُ
حَرَامٌ، وَغُدْيِي بِالْحَرَامِ، فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لِذَلِكَ؟

Bermaksud: Wahai manusia, sesungguhnya Allah itu baik, tidak menerima kecuali yang baik. Dan sesungguhnya Allah memerintahkan orang beriman sebagaimana dia memerintahkan para rasul-Nya dengan firman-Nya: "Wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; sesungguhnya Aku Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan." Dan Dia berfirman: Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah

kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya.” Kemudian Baginda menyebutkan ada seseorang yang bermusafir perjalanan jauh di mana keadaan kusut dan berdebu. Dia mengangkat kedua tangannya ke langit seraya berkata: Ya Tuhanku, Ya Tuhanku, padahal makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan keperluannya dipenuhi dari sesuatu yang haram, maka bagaimana doanya akan dikabulkan?

Amanat dan pesanan yang disampaikan baginda memberi isyarat kepada kaum Muslimin agar sentiasa mencari sumber yang halal di samping memberi ancaman bahawa hamba yang sumber rezekinya datang daripada sumber yang haram, kelak doanya tidak akan dimakbulkan oleh Allah selagimana tidak bertaubat.

1.4.3 Hukuman bagi Kesalahan Mencuri

Apabila kesalahan mencuri disabitkan di mahkamah dengan memenuhi syarat-syarat yang akan disebutkan nanti, hukuman hudud wajib dikenakan terhadap pesalah mencuri. Hukuman hudud ini ialah dengan memotong tangan kanan pada pergelangan tangan. Hukuman ini dinyatakan oleh firman Allah SWT dalam Surah al-Maa'idah (5) ayat 38:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جِزَاءً بِمَا
كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٣٨﴾

Bermaksud: *Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa*

yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (38)

Hadis riwayat Imam Ibnu Hajar al-Asqolani dalam kitab “*Takhrij misykaat al-Masoobih*” (3/432), daripada Abu Hurairah RA:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فِي السَّارِقِ
إِنْ سَرِقَ فَاقْطَعُوا يَدَهُ ثُمَّ إِنْ سَرِقَ فَاقْطَعُوا رِجْلَهُ ثُمَّ
إِنْ سَرِقَ فَاقْطَعُوا يَدَهُ ثُمَّ إِنْ سَرِقَ فَاقْطَعُوا رِجْلَهُ

Maksudnya: “Rasulullah SAW bersabda bahawa pencuri sekiranya dia mencuri, potonglah tangannya, kemudian sekiranya ia mencuri lagi, potonglah kakinya, kemudian sekiranya dia mencuri lagi, potonglah tangannya, kemudian sekiranya dia mencuri, potonglah kakinya”.

Pada kes kecurian pertama, tangan kanan pencuri akan dipotong. Bagi kesalahan mencuri yang kedua, kaki kirinya akan dipotong. Bagi kesalahan yang ketiga, tangan kirinya akan dipotong. Bagi kesalahan keempat, kaki akan dipotong. Sekiranya pesalah masih terus mencuri, pemerintah akan menjatuhkan hukuman takzir yang sesuai bagi mencegahnya.

1.4.4 Syarat-syarat Pelaksanaan Hukuman Hudud Kesalahan Mencuri

- 1) Baligh.
- 2) Berakal.
- 3) Tidak dipaksa. Ini kerana orang yang dipaksa tidak akan dipersalahkan.
- 4) Harta yang dicuri mestilah mencecah kadar yang ditetapkan (nisbah) iaitu bersamaan dengan:
 - a) Satu perempat dinar atau lebih. Satu dinar bersamaan dengan satu *mithqal* (20 karat/4.24 gram).
 - b) Atau bersamaan dengan tiga dirham. Ini kerana tukaran satu dinar pada zaman Nabi Muhammad SAW ialah 12 dirham. Oleh itu, suku dinar bersamaan dengan tiga dirham.
- 5) Harta yang dicuri dari tempat simpanan yang sesuai.

Tempat simpanan yang sesuai bermaksud pada kebiasaannya harta tersebut disimpan di tempat selamat atau yang seumpama dengannya. Wang misalnya disimpan di dalam peti atau yang seumpama dengannya. Pakaian pula disimpan di dalam almari atau sebagainya.

Ukuran ini merujuk kebiasaan setempat (*uruf*) dan pendapat orang yang berkemahiran. Sekiranya harta yang dicuri disimpan di tempat yang biasanya tidak digunakan sebagai tempat simpanan, hukuman potong tangan tidak akan dilaksanakan.

6) Harta bukan milik atau milik bersama pencuri.

Sekiranya pencuri adalah rakan kongsi, dia tidak akan dihukum potong tangan kerana harta tersebut adalah miliknya bersama.

Bagi kes anak mencuri harta bapa atau hamba mencuri harta tuan atau rakyat yang miskin mencuri harta kerajaan atau ketika kebuluran, hukuman potong tangan tidak dikenakan. Ini kerana wujud keraguan terdapat sedikit sebanyak unsur harta bersama dalam harta yang dicuri.

7) Pencuri sedar mencuri adalah haram.

Dalam kes orang yang mengambil sesuatu barangan atau makanan daripada kedai jiran tanpa mengetahui apa yang dilakukan itu adalah haram kerana tidak tahu tentang asas Islam atau masih baru memeluk Islam dia tidak akan dihukum potong tangan, sebaliknya akan dihukum takzir berserta denda.

8) Harta yang dicuri mestilah suci.

Sekiranya harta dicuri berupa arak, khinzir, anjing atau kulit yang belum disamak, tiada hukuman potong tangan dikenakan.

Selain itu harta tersebut mestilah harus digunakan syarak. Sekiranya harta yang dicuri itu berupa gitar, gambus, seruling atau berhala atau salib, pencuri tidak akan dihukum potong tangan. Ini kerana perbuatan menghancurkan perkara yang tidak baik adalah digalakkan. Dengan ini wujud keraguan dalam kes ini, sama seperti kes menghancurkan botol arak.

Perlu difahami bahawa semua syarat ini ialah syarat untuk mensabitkan pencuri dengan hukuman potong tangan dan bukan syarat melaksanakan hukuman. Apabila syarat-

syarat ini tidak dipenuhi, hukuman potong tangan akan digugurkan.

Walau bagaimanapun, pemerintah berhak memilih hukuman takzir selain mengenakan denda yang sesuai untuk memberi pengajaran kepada pencuri.

1.4.5 Pensabitan Kes Mencuri

Pensabitan kes mencuri boleh disabitkan melalui kaedah berikut:

- 1) Pengakuan. Pesalah yang mengaku mencuri akan disabitkan dengan kesalahan tersebut. Dia juga hendaklah dijatuhkan hukuman kesalahan mencuri. Namun demikian, jika dia menarik balik pengakuannya, hukuman tersebut akan dibatalkan.

Selain itu, hakim perlu mengemukakan tawaran kepada pesalah untuk menarik semula pengakuannya seperti dalam kes zina. Walau bagaimanapun, pengakuan pencuri hanya akan diterima setelah pemilik barang yang dicuri hadir menuntut haknya.

- 2) Bukti iaitu keterangan oleh dua orang saksi lelaki yang adil dan memenuhi syarat-syarat menjadi saksi.
- 3) Akuan sumpah oleh pihak yang mendakwa setelah pihak yang didakwa enggan bersumpah.

1.4.6 Pencuri Wajib Bertanggungjawab Terhadap Barang yang Dicuri

Setelah kes mencuri telah dibuktikan dan tangan pesalah telah dipotong, pesalah juga dikehendaki memulangkan semula barang yang dicuri sekiranya masih ada. Jika tiada, pesalah dikehendaki menggantikannya.

BAB 5

MEROMPAK (*HIRABAH*)

1.5 MEROMPAK (*HIRABAH*)

1.5.1 Pengertian Merompak

Pengertian dari Segi Bahasa: Hirabah secara tata bahasa arab berasal dari kata harb (حرب) yang berarti perang

Pengertian dari Segi Istilah: Serangan bertujuan merampas harta, membunuh atau menakutkan dengan cara terang-terangan, angkuh dan menggunakan kekuatan di kawasan yang terpencil daripada bantuan. Ia dilakukan oleh mukallaf yang tertakluk kepada undang-undang, termasuk ahli zimmi dan orang yang murtad.

Maksud menggunakan kekuatan di sini menunjukkan sekiranya jenayah yang dilakukan tersebut dibuat atas dasar kelalaian seterusnya melarikan diri atau bergantung kepada kelemahan mangsa. Jenayah tersebut tidak dikategorikan sebagai merompak (*hirabah*). Tetapi ia dikategorikan sebagai rampasan (*nuhbah*) dan seumpamanya yang mempunyai hukum yang khusus.

Maksud di kawasan yang terpencil daripada bantuan adalah kawasan yang jauh daripada kawasan bandar atau kampung yang sekiranya mangsa meminta tolong, suaranya tidak akan kedengaran oleh penduduk sekitar. Bagi jenayah yang dilakukan dalam jarak yang boleh didengar suara mangsa, ia tidak dikategorikan sebagai merompak.

Maksud mukallaf yang tertakluk kepada undang-undang mengeneppikan kafir harbi. Oleh itu, kafir harbi tidak

termasuk dalam kategori ini walaupun dia membunuh dan merompak.

Walau bagaimanapun, apabila seseorang kafir harbi memeluk Islam segala kesalahannya sebelum ini diampunkan kerana Islam menghapuskan segala dosanya.

Jenayah ini juga boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan selagi mana memenuhi ciri-ciri yang ditetapkan. Dalam bahasa Arab, pelaku jenayah ini iaitu perompak dinamakan sebagai "*qatta'u at-Tariq*" yang bermaksud pemutus jalan. Mereka dinamakan sedemikian kerana orang ramai terpaksa mengelak melalui jalan tersebut, seolah-olah mereka ini benar-benar memutuskan jalan.

Mazhab Hanafi mentakrifkan rompakan ialah tindakan mengeluarkan senjata serta menakutkan orang di jalan-jalan di luar kawasan berpenduduk atau di dalamnya sama ada dengan tujuan merampas harta benda orang atau tanpa tujuan tersebut. Namun begitu, Imam Abu Hanifah menekankan bahawa rompakan tidak akan berlaku sama sekali di dalam kawasan berpenduduk.

Mazhab Maliki menyatakan rompakan ialah tindakan mengeluarkan senjata serta menakutkan orang-orang di jalan-jalan luar kawasan berpenduduk atau di dalamnya sama ada dengan tujuan merampas harta benda orang atau tanpa tujuan tersebut.

Mazhab Syafie dan Ahmad menakrifkan rompakan ialah tindakan oleh seseorang atau sekumpulan orang keluar untuk merampas harta, membunuh, menakutkan orang dengan kekuatan atau kekerasan di suatu tempat yang tidak mungkin mangsanya mendapatkan pertolongan.

1.5.2 Dalil Hukuman

Dalil bagi hukuman jenayah merompak ialah berpandukan firman Allah SWT dalam Surah al-Maa'idah (5) ayat (33):

إِنَّمَا جَزَاءُ الَّذِينَ يُحَارِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَسْعَوْنَ
فِي الْأَرْضِ فَسَادًا أَنْ يُقَتَّلُوا أَوْ يُصَلَّبُوا أَوْ تُقَطَّعَ
أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِّنْ خَلْفٍ أَوْ يُنْفَوْا مِنَ الْأَرْضِ
ذَلِكَ لَهُمْ خِزْيٌ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ
عَظِيمٌ ﴿٣٣﴾

Maksudnya: Hanyasanya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi ialah dengan dibalas bunuh (kalau mereka membunuh sahaja dengan tidak merampas), atau dipalang (kalau mereka membunuh dan merampas), atau dipotong tangan dan kaki mereka bersilang (kalau mereka merampas sahaja), atau dibuang negeri (kalau mereka hanya mengganggu ketenteraman umum). Hukuman yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka, dan di akhirat kelak mereka beroleh azab seksa yang amat besar. (33)

1.5.3 Kategori Jenayah Merompak

Pelaku jenayah merompak dibahagikan kepada empat kategori:

- 1) Penjenayah yang membunuh dan merompak harta.
- 2) Penjenayah yang membunuh sahaja dan tidak merompak harta.
- 3) Penjenayah yang merompak dan tidak mengancam nyawa.
- 4) Penjenayah yang menakut-nakutkan orang ramai tanpa mengancam nyawa atau merompak harta.

Ini adalah empat kategori pelaku jenayah merompak. Jenayah yang paling berat antara kategori ini ialah mereka yang membunuh dan merompak. Sementara yang paling ringan ialah mereka yang sekadar menakut-nakutkan tanpa mengancam nyawa atau harta. Hukuman bagi jenayah dilakukan ini berbeza mengikut jenayah yang dilakukan.

1.5.4 Hukuman bagi Setiap Kesalahan

- 1) Mereka yang membunuh dan merompak akan dihukum bunuh kemudian disalib selama tiga hari di tempat yang tinggi seperti kayu atau sebagainya. Hukuman sedemikian dikenakan sebagai memberi pengajaran kepada orang ramai di samping memperlihatkan nasib mereka kepada orang ramai. Walau bagaimanapun, mereka hanya akan disalib selepas dimandi, dikafan dan disembahyangkan. Ini kerana, walaupun mereka melakukan jenayah, namun ia tidak bermakna mereka terkeluar daripada Islam. Jenazah Muslim tetap wajib dimandi, dikafan, disembahyang dan dikebumikan.

- 2) Mereka yang membunuh sahaja akan dihukum bunuh tanpa disalib, walau bagaimanapun keluarga mangsa tidak boleh memberi pengampunan kerana hukuman ini adalah hak Allah SWT.

Perbezaan antara pembunuhan dalam jenayah ini dengan tujuan bunuh dalam bab qisas ialah pembunuh di sini membunuh bertujuan untuk menakut-nakutkan dan mengganggu perjalanan orang ramai dengan menggunakan kekuatan tanpa mengambil kira mangsa tertentu, malah ia akan membunuh sesiapa sahaja yang melalui jalan tersebut. Oleh itu, hukuman ini menjadi hak Allah SWT dan pengampunan oleh keluarga tidak akan dapat menggugurkan hukuman ini.

- 3) Mereka yang merompak sahaja akan dihukum potong tangan secara bersilang. Maksudnya, tangan kanannya akan dipotong pada bahagian pergelangan tangan dan kaki kirinya pada pergelangan kaki. Sekiranya jenayah ini diulang, tangan kiri dan kaki kanan dipotong.

Walau bagaimanapun, jumlah harta yang dirompak mestilah mencecah kadar yang ditetapkan dalam kesalahan mencuri iaitu suku dinar atau lebih, atau yang sama nilai dengannya. Sekiranya harta yang dirompak tidak mencecah jumlah tersebut, hakim boleh mengenakan takzir yang bersesuaian.

Perbezaan antara jenayah yang dilakukan oleh perompak dengan pencuri ialah pencuri mengambil harta curi secara sembunyi sementara perompak melakukannya dengan menakutkan dan mengganggu perjalanan orang ramai menggunakan kekuatan. Apatah lagi apabila berjauhan daripada orang ramai.

- 4) Mereka yang hanya menakut-nakutkan tanpa merompak dan membunuh akan dihukum mengikut hukuman takzir seperti buang negeri, penjara atau

sebagainya. Hukuman ini bergantung kepada pemerintah dan tiada tempoh tertentu yang ditetapkan bagi hukuman penjara. Malah pemerintah boleh memberi pengampunan jika perlu.

Takzir ialah hukuman yang tidak ditentukan kadar atau bentuk hukuman dalam al-Quran dan hadis. Jenis, kadar dan bentuk hukuman terserah kepada kebijaksanaan pemerintah

1.5.5 Pengguguran Hukuman

Kesemua hukuman yang dinyatakan di atas hanya boleh digugurkan dalam satu keadaan sahaja iaitu apabila pesalah bertaubat sebelum berjaya ditangkap oleh pemerintah, sama ada dengan cara melarikan diri atau bersembunyi atau kerana gagal dikesan oleh pemerintah.

Sekiranya penjenayah bertaubat sebelum dibawa kemuka pengadilan, semua hukuman yang khusus untuk jenayah hirabah iaitu bunuh, salib, potong tangan dan kaki akan digugurkan. Firman Allah SWT dalam Surah al-Maa'idah (5) ayat (34):

إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِن قَبْلِ أَن تَقْدِرُوا عَلَيْهِمْ فَاعْلَمُوا أَنَّ
اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣٤﴾

Maksudnya: Kecuali orang-orang yang bertaubat sebelum kamu dapat menangkapnya, (mereka terlepas dari hukuman itu). Maka ketahuilah, bahawasanya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (34)

Status beliau ketika itu (selepas bertaubat) hanyalah sebagai seorang pembunuh atau perampas. Oleh itu, dia dihukum berdasarkan kesalahan membunuh, merompak

atau merompas. Semua ini dilaksanakan berdasarkan kaedah dan hukum-hakam yang telah sedia maklum. Taubat tidak akan menggugurkan sebarang jenayah yang dilakukan ketika melakukan jenayah merompak.

Oleh itu, seseorang pembunuh yang telah bertaubat sebelum berjaya ditangkap oleh pemerintah masih tertakluk kepada hukuman qisas kecuali dia diampunkan atau dimaafkan oleh keluarga mangsa dengan tuntutan membayar diat atau tanpa sebarang tuntutan. Sementara perompak pula perlu membayar ganti rugi barang yang dirompak selain hukuman takzir yang dikenakan pemerintah.

Dengan ini, kita dapat fahami penjenayah *hirabah* yang mencuri atau minum arak ketika melakukan jenayah merompak suatu masa dahulu, masih tertakluk kepada hukuman curi atau minum arak walaupun setelah bertaubat. Ini kerana hukuman-hukuman ini tidak digugurkan walaupun dengan taubat.

BAB 6

BUGHAH

1.6 *BUGHAH* (PEMBERONTAKAN)

1.6.1 Pengertian *Bughah*

Pengertian dari Segi Bahasa: Melampaui batas dan zalim.

Pengertian dari Segi Istilah: Segolongan umat Islam yang menentang dan menderhaka terhadap *Uliil Amri* (imam) iaitu pemerintah atau kerajaan Islam yang adil serta menjalankan hukum-hukum syariat Islam.

Fuqaha khilaf dalam pengertian *bughah* dari segi istilah, antaranya seperti berikut:

- 1) Mazhab Hanafi : Mereka golongan khawarij yang menganggap setiap dosa besar atau kecil adalah kufur dan menentang pemerintah yang adil serta menghalalkan peperangan, darah dan harta dengan keterangan (takwil). Mereka mempunyai kekuatan dan senjata.
- 2) Mazhab Maliki : Tegahan daripada mentaati siapa yang sabit kepimpinannya tanpa sebarang maksiat dengan serangan.
- 3) Mazhab Syafie : Mereka yang menentang pemerintah dengan tidak mematuhi dan mempunyai kekuatan dan upaya.
- 4) Mazhab Hambali : Mereka yang beragama Islam menentang penguasaan pemerintah dengan takwilan dan mempunyai kekuatan ketenteraan.

1.6.2 Dalil Pengharaman Bughah

Dalil yang menjadi sandaran kepada hukum memerangi kumpulan pemberontak ialah firman Allah SWT dalam Surah al-Hujuraat (49) ayat 9:

وَإِنْ طَافَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلِحُوا
بَيْنَهُمَا فَإِنْ بَغَتْ إِحْدَهُمَا عَلَى الْأُخْرَى فَقْتُلُوا
الَّتِي تَبْغِي حَتَّى تَفِيءَ إِلَى أَمْرِ اللَّهِ فَإِنْ فَاءَتْ
فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ
الْمُقْسِطِينَ ﴿٩﴾

Maksudnya: Dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya; jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain, maka lawanlah puak yang zalim itu sehingga ia kembali mematuhi perintah Allah; jika ia kembali patuh maka damaikanlah di antara keduanya dengan adil (menurut hukum Allah), serta berlaku adillah kamu (dalam segala perkara); sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. (9)

Menurut ulama, walaupun ayat ini tidak menyentuh tentang pemberontakan terhadap pemerintah, namun ia mencakupi nilai tersebut kerana ayat ini bersifat umum atau boleh dikaitkan dengan qiyas. Ini kerana apabila peperangan dituntut agar dilancarkan kepada kumpulan yang melampaui batas, tuntutan untuk memerangi pemberontakan terhadap pemerintah sudah tentu lebih utama.

Hikmah mereka ini diperangi sebagaimana yang dinyatakan, tentangan mereka berdasarkan kekeliruan yang diterima syara' ialah kerana kestabilan pemerintahan seorang pemerintah setelah ditabal secara sah oleh umat Islam adalah asas terpenting bagi menyatu padukan kekuatan umat Islam di samping menakutkan musuh. Inilah asas apabila Allah SWT memerintahkan umat Islam supaya taat setia kepada pemerintah.

Atas dasar ini kewajiban seluruh umat Islam untuk mentaati pemerintah walaupun dia seorang yang zalim. Walau bagaimanapun, ketaatan yang diberikan mestilah bukan kepada perkara maksiat. Ini kerana tindakan umat Islam mengingkari perintah pemerintah lebih mendatangkan keburukan daripada tindakan zalim pemerintah tersebut.

Oleh kerana itu, Allah SWT memerintahkan agar pemerintah memerangi kumpulan pemberontak tanpa mengambil kira ijihad dan sandaran mereka. Ini kerana ketaatan mereka kepada pemerintah lebih penting daripada mereka berpegang kepada ijihad mereka.

1.6.3 Hukum Pensabitan *Bughah*

Apabila wujud pemberontakan sebagaimana yang dinyatakan di atas oleh mana-mana kumpulan umat Islam, pemerintah Islam wajib menghantar wakil untuk bertanya tentang tuntutan mereka dan urusan pemerintahan yang mereka tidak senangi.

Pemerintah hendaklah mengetahui dan dinyatakan sebab-sebab tentangan atau pemberontakan tersebut. Sekiranya tidak dipenuhi, ia akan menimbulkan sebarang kesan buruk atau kemudaratan, maka tuntutan mereka wajib dipenuhi.

Sekiranya tidak, atau mereka tidak menyatakan sebab-sebab tentangan, pemerintah hendaklah memberi nasihat atau amaran bahawa mereka akan diperangi. Pemerintah akan menyuruh mereka supaya kembali taat setia.

Jika mereka menolak nasihat tersebut, mereka hendaklah dimaklumkan tentang peperangan. Sekiranya mereka masih enggan dan berkeras menentang, mereka wajib diperangi.

1.6.4 Syarat-syarat Memerangi Pemberontak

- 1) Kumpulan pemberontak tersebut mestilah mempunyai kekuatan dan ketahanan tersendiri sama ada disebabkan oleh jumlah mereka yang ramai atau keupayaan mereka walaupun mereka hanya memiliki sebuah kubu yang boleh digunakan untuk menentang pemerintah. Untuk itu, usaha untuk mengembalikan ketaatan mereka memerlukan perbelanjaan dari segi harta dan pengumpulan tentera.
- 2) Pemberontak tersebut mestilah benar-benar berada di luar kawalan pemerintah disebabkan oleh kekuatan yang mereka miliki seperti yang dinyatakan di atas. Sekiranya mereka masih berada dalam kawalan pemerintah, sudah tentu mereka tidak perlu diperangi dan pemerintah boleh menghukum mereka dengan cara memenjara atau sebagainya.
- 3) Kumpulan pemberontak mestilah mempunyai tafsiran (takwil) yang dibenarkan dan mempunyai ruang dalam ijtihad, dan dengan alasan mereka menentang pemerintah. Walaupun tafsiran (takwil) tersebut salah, tetapi ia tidak dapat disahkan secara *qat'ie* (jelas) kesalahannya.

Demikianlah yang berlaku dalam perang Jamal dan Siffin apabila segolongan para sahabat menentang

pemerintahan Ali RA. Mereka mendakwa Ali RA mengenali pembunuh Usman RA dan mampu menghukum mereka tetapi Ali RA tidak menghukum mereka kerana dia turut bersubahat bersama mereka.

Sekiranya mereka tidak mempunyai sebarang ijihad atau tafsiran yang disandar sebagai alasan untuk menentang pemerintah, mereka tidak tertakluk kepada hukum pemberontak. Sebaliknya mereka diperangi atas alasan mereka adalah kumpulan fasik. Malah mereka mungkin menjadi pemberontak jika menghalalkan penentangan kepada pemerintah Islam serta menentang perintah pemerintah tanpa sandaran syarak.

- 4) Mereka mempunyai tokoh yang ditaati yang menguatkan pengaruh mereka. Sekalipun dia bukan seorang ketua yang dilantik dalam kalangan mereka, tetapi pendapatnya dijadikan sebagai sandaran. Ini kerana kekuatan tidak akan wujud pada kumpulan yang tidak mampu mengumpul dan menyatukan pengikut di bawah seorang yang ditaati.

Namun adalah penting difahami bahawa pemberontak tidak dianggap fasik atau kafir walaupun pemerintah wajib memerangi mereka. Ini kerana pada pandangan syarak, mereka mempunyai sesuatu yang dikira sebagai alasan mengikut sangkaan mereka sendiri.

1.6.5 Garis Panduan Memerangi Pemberontak

Peperangan terhadap kumpulan pemberontak jelas berbeza dengan peperangan terhadap golongan fasiq dan musuh. Ini kerana pemberontak tidak dikategorikan sebagai fasiq dan tidak dikaitkan dengan bidaah (pembaruan). Hanya disebabkan oleh sesuatu keperluan mereka diperangi, iaitu semata-mata untuk memelihara keamanan dan perpaduan umat Islam.

Berikut adalah garis panduan secara ringkas:

- 1) Sebelum dilancar, mereka perlu diberi nasihat dan diajak berbincang bersama wakil pemerintah.
- 2) Selepas peperangan dilancarkan, mana-mana pemberontak melarikan diri dari medan peperangan, tidak dibenarkan kejar. Demikian juga tidak dibenarkan mereka yang cedera. Peperangan hanya ditujukan terhadap mereka yang membalas serangan.
- 3) Pemberontak yang ditawan tidak boleh dibunuh.
- 4) Hak milik mereka tidak boleh dirampas atas nama harta rampasan perang. Walau bagaimanapun, beberapa perkara perlu dilihat.

Harta yang berupa alat perang akan disimpan sehingga peperangan tamat dan selepas pemerintah merasa yakin mereka tidak akan kembali melancarkan peperangan. Sekiranya masih wujud kekhuatiran, harta tersebut tidak perlu dipulangkan dan akan kekal sebagai jagaan negara sebagai hak milik negara. Manakala harta lain selain peralatan perang, ia wajib dipulangkan miliknya selepas tamat peperangan walaupun wujud kekhuatiran mereka akan kembali melancarkan peperangan.

1.6.6 Kesan Peperangan Terhadap Pemberontak

- 1) Apabila pemerintah melancarkan peperangan terhadap pemberontak dengan menepati syarat-syarat di atas dan selepas menjalankan langkah-langkah awal seperti yang dinyatakan, pemberontak yang dibunuh dalam peperangan ini maka darahnya adalah halal. Pembunuhan tidak akan dikenakan qisas atau diat kerana tindakan ini dibenarkan oleh syarak.
- 2) Selepas peperangan tamat, sekiranya ada dalam kalangan tentera pemerintah yang membunuh pemberontak, sekiranya pemberontak tersebut telah memberi taat setia, pembunuh akan dikenakan qisas. Namun sekiranya pembunuh bersumpah bahawa dia menyangka orang yang dibunuh masih ingkar, pembunuh akan diminta membayar diat dan hukum qisas digugurkan.
- 3) Sekiranya orang yang dibunuh ialah tawanan atau pemberontak yang telah cedera, pembunuh dikehendaki membayar diat dan hukuman qisas digugurkan kerana wujud keraguan dalam tindakan bunuh tersebut.

BAB 7

MURTAD (*RIDDAH*)

1.7 MURTAD (*RIDDAH*)

1.7.1 Pengertian Murtad

Pengertian dari Segi Istilah: Murtad atau disebut riddah dalam bahasa Arab bermaksud beralih daripada sesuatu kepada sesuatu yang lain.

Pengertian dari Segi Istilah: Beralih daripada memeluk Islam kepada memeluk agama lain atau anutan lain.

Dalam Mazhab Syafie murtad ialah memutuskan Islam dengan niat atau ucapan kufur atau dengan perbuatan sama ada perkataannya secara mengejek, ingkar atau dengan iktikadnya.”

1.7.2 Dalil dan Hukum Murtad

Murtad merupakan sejenis kufur yang paling keji dan membabitkan hukuman dan kesan yang amat berat. Dalilnya ialah sebagai mana yang dinyatakan pada firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah (2) ayat 217:

... وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَن دِينِهِ ۖ فَمَا كَانَ بِكُمْ
فَأُولَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ
وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢١٧﴾

Maksudnya: ... dan sesiapa di antara kamu yang murtad (berpaling tadah) dari

ugamanya (ugama Islam), lalu ia mati sedang ia tetap kafir, maka orang-orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, kekal mereka di dalamnya (selama-lamanya). (217)

Firman Allah SWT lagi dalam Surah an-Nahl (16) ayat 106:

مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مَنْ أُكْرِهَ
وَقَلْبُهُ مُطْمَئِنٌّ بِالْإِيمَانِ وَلَكِنْ مَنْ شَرَحَ
بِالْكُفْرِ صَدْرًا فَعَلَيْهِمْ غَضَبٌ مِنَ اللَّهِ وَلَهُمْ
عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٦﴾

Maksudnya: Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah ia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab dari Allah), kecuali orang yang dipaksa (melakukan kufur) sedang hatinya tenang tenteram dengan iman; akan tetapi sesiapa yang terbuka hatinya menerima kufur maka atas mereka tertimpa kemurkaan dari Allah, dan mereka pula beroleh azab yang besar. (106)

1.7.3 Garis Penentu Murtad

Murtad boleh berlaku melalui tiga perkara berikut:

- 1) Menolak hukum yang telah disepakati dan pasti diketahui umum (ma'lum min al-Din bi al-Dharurah). Contohnya menolak kewajipan zakat, puasa dan haji, menolak pengharaman arak atau menolak bahawa al-Quran adalah kalam Allah SWT. Semua hukum ini

diketahui oleh setiap muslim baik ulamak mahupun orang biasa. Oleh itu, menolak perkara ini menjadi punca murtad.

Namun bagi seseorang yang menolak sesuatu hukum yang tidak disepakati, atau sesuatu hukum yang disepakati tetapi tidak diketahui oleh ramai orang penolakan tersebut tidak menyebabkan kemurtadan. Contohnya, orang yang menolak syariat menganjurkan sembahyang dhuha atau menolak hukum haram mengahwini perempuan yang diceraikan sebelum tamat iddah.

- 2) Melakukan sesuatu perbuatan yang hanya dilakukan oleh orang kafir. Contohnya sujud kepada berhala atau melakukan ibadah seperti ibadat orang kafir. Demikian juga melakukan sesuatu perbuatan yang salah dengan pegangan agama Islamnya seperti sengaja mencampakkan al-Quran ke tempat najis. Sama hukum seperti al-Quran termasuklah buku-buku hadis dan tafsir. Dengan syarat, apa yang dilakukan adalah secara sukarela dan bukan dipaksa.
- 3) Mengucapkan sesuatu yang bercanggah dengan pegangan Islam, sama ada yang diucapkan itu lahir daripada keyakinan atau keingkarannya atau untuk mempersenda. Contohnya, orang yang mengutuk agama, Allah, seseorang nabi atau dia berkata "*Islam tidak sesuai dengan kemodenan,*" "*pencipta alam ini tidak wujud,*" "*zakat tidak perlu dalam masyarakat sosialis,*" atau "*mewajibkan perempuan berhijab adalah kolot.*"

Semua ucapan ini boleh menyebabkan kemurtadan tanpa mengira disebabkan oleh keyakinan atau kemarahan atau keingkarannya, mengutuk agama atau mengutuk Allah SWT dalam keadaan marah, bertengkar atau mempersenda, sama ada semata-mata untuk menjadi bahan ketawa, main-main atau mengejek.

Contohnya, seseorang berkata kepada rakan yang menasihatinya : *“Esok kalau kamu masuk syurga, tutuplah pintunya dan jangan benarkan saya masuk”*.

1.7.4 Amaran Supaya Berjaga-jaga daripada Terjatuh dalam Kemurtadan

Daripada penjelasan di atas, anda dapat perhatikan bahawa murtad boleh berlaku melalui ucapan yang dituturkan, atau melalui sesuatu tindakan yang disangkakan remeh dan tidak membawa apa-apa makna atau melalui keingkaran yang disangka hanya sebagai suatu bentuk kebebasan berfikir dan bersuara.

Bagaimanapun, ucapan atau tindakan yang disangka tidak mempunyai apa-apa erti ini sebenarnya menyebabkan suatu perubahan besar nasib pelakunya selepas mati. Ini kerana, sebelumnya dia disenaraikan sebagai orang Islam yang layak menerima pengampunan dan syafaat kerana keislamannya, sebaliknya kini dia disenaraikan sebagai orang kafir yang tidak akan merasai rahmat Allah SWT walau sebanyak mana sekalipun amal kebajikan yang dilakukannya.

Selain itu, berlaku perubahan besar terhadap kedudukannya dalam masyarakat Islam di dunia ini. Ini kerana beberapa haknya kini digugurkan, iaitu:

- 1) Hak untuk hidup, kerana dia wajib dibunuh.
- 2) Hak untuk memilih, kerana segala hak miliknya digugurkan.
- 3) Semua status peribadinya seperti perkahwinan dan sebagainya digugurkan.

Setelah menyadari perkara ini, seorang muslim perlu menjaga lidahnya supaya tidak menuturkan perkara yang boleh melibatkan murtad walau bagaimana sekalipun kemarahannya. Dia perlu berusaha supaya mampu meluahkan kemarahannya dengan cara yang tidak melibatkan murtad kerana ini hanya akan menyebabkan kecelakaan menimpanya di dunia dan akhirat.

1.7.5 Hukuman Murtad

Hukuman bagi kesalahan murtad yang dikenakan kepada lelaki dan perempuan adalah sama. Apabila seorang lelaki atau perempuan yang telah baligh dan berakal melakukan sesuatu seperti yang digariskan sebelum ini sehingga membawa kepada kemurtadan, mereka akan tertakluk kepada hukum-hakam berikut:

- 1) Pesalah murtad wajib diminta segera bertaubat dari kemurtadannya. Ini mungkin disebabkan oleh sesuatu salah faham yang timbul atau kerana rasa marah sehingga menyebabkan hilang pedoman. Dengan ini, pesalah akan dibimbing semula kepada kebenaran dengan cara bertaubat dan nasihat. Di samping itu, perlu disedarkan tentang kesalahan dan akibat buruk perbuatannya.
- 2) Pesalah diberi amaran tentang akibat buruk jika dia masih kekal murtad dan tidak menerima pelawaan supaya bertaubat. Dia hendaklah diberitahu bahawa dia akan dihukum bunuh jika masih mempertahankan kemurtadannya. Walaupun tindakan itu dilakukan kerana keingkaran, keyakinan atau sekadar untuk mempersenda.
- 3) Pesalah wajib dibunuh jika mempertahankan kemurtadannya dan tidak mahu bertaubat.

1.7.6 Syarat-Syarat Pelaksanaan Hukum

Sebagaimana yang dinyatakan, hukuman murtad ialah hukuman mati serta-merta. Namun demikian, hukuman ini tidak boleh dilaksanakan melainkan setelah memenuhi syarat-syarat berikut:

1) Baligh dan berakal.

Perbuatan murtad oleh kanak-kanak dan orang gila tidak akan diambil kira kerana mereka bukan mukalaf. Cuma penjaga kanak-kanak tersebut bertanggungjawab untuk menghukum, menegur dan meminta supaya dia bertaubat daripada apa yang dilakukan atau dituturkannya.

2) Diminta supaya bertaubat.

Pesalah murtad tidak boleh dibunuh melainkan setelah diminta bertaubat terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, pesalah akan dibunuh sekiranya masih enggan bertaubat. Dia tidak akan diberi tempoh setelah enggan bertaubat.

3) Kemurtadannya disahkan melalui pengakuan pesalah sendiri atau melalui saksi yang sah dan memenuhi syarat yang ditetapkan.

1.7.7 Kesan kepada Kesalahan Murtad

Apabila seorang muslim telah disahkan murtad serta enggan bertaubat, kesalahan ini membabitkan beberapa kesan penting selain daripada hukuman mati yang dinyatakan tadi. Kesan tersebut ialah:

1) Kesemua hartanya akan ditahan. Harta ini akan diletakkan di bawah jagaan pemerintah atau wakilnya dan hanya akan digunakan mengikut keperluan.

Sekiranya pesalah bertaubat dan kembali kepada Islam, harta ini akan dikembalikan.

Dengan ini jelas bahawa sepanjang kemurtadannya, harta ini masih diakui sebagai miliknya. Sekiranya pesalah enggan bertaubat dan dihukum mati, hak miliknya telah dibatalkan sebaik sahaja dia murtad. Ini bermakna taraf hak miliknya bergantung kepada keputusan sama ada dia bertaubat atau masih kekal murtad dan dihukum mati.

- 2) Kesemua urusan dan akad sivilnya seperti jual beli, anugerah, gadaian dan sebagainya terbatal kerana status sebagai murtad menggugurkan segala kelayakannya.
- 3) Gugur segala hak untuk waris-mewarisi antara dia dengan saudara-maranya. Sekiranya salah seorang saudaranya mati ketika kemurtadannya, dia tidak berhak mewarisi pusaka walaupun pada dasarnya dia disenaraikan sebagai pewaris.
- 4) Pesalah dipisahkan daripada isterinya dan akad nikah mereka digantung. Sekiranya pesalah bertaubat dan kembali memeluk Islam dalam tempoh *'iddah* isterinya boleh kembali tanpa akad nikah. Di sini jelas akad asalnya masih ada. Sekiranya pesalah tidak bertaubat dalam tempoh *'iddah* akad nikah akan terbatal. Dengan ini, jelas bahawa akad ini terbatal sebaik sahaja pesalah murtad. Sekiranya pesalah bertaubat selepas tempoh tersebut, dia hanya berhak untuk kembali kepada isterinya melalui akad dan mahar yang baru.

1.7.8 Kesan Hukuman Mati ke Atas Pesalah Murtad

Kesan ini adalah selain daripada kesan murtad yang dinyatakan tadi. Kesan-kesan adalah seperti berikut:

- 1) Haram dimandikan, dikafan dan disembahyangkan. Ini kerana pesalah tidak akan dihukum mati melainkan kerana telah terkeluar daripada Islam. Sedangkan jenazah yang dimandi, dikafan dan disembahyang ialah jenazah orang yang tunduk dan akur kepada hukum Islam. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah (2) ayat 217:

... وَمَنْ يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَن دِينِهِ ۖ فَيَمُتْ وَهُوَ
 كَافِرٌ فَأُولَٰئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ
 وَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢١٧﴾

Maksudnya: ... dan sesiapa di antara kamu yang murtad (berpaling tadah) dari ugamanya (ugama Islam), lalu ia mati sedang ia tetap kafir, maka orang-orang sedang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, kekal mereka di dalamnya (selama-lamanya). (217)

- 2) Tidak boleh dikebumikan di tanah perkuburan orang Islam. Sebaliknya jenazah akan dikebumikan jauh dari kawasan perkuburan orang Islam.
- 3) Kesemua saudaranya tidak boleh mewarisi pusakanya kerana hubungan yang diakui oleh Islam iaitu persamaan agama telah terputus. Tambahan pula hak milik pesalah terhadap hartanya telah digugurkan kerana murtad. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak diputuskan melainkan setelah pesalah disahkan mati dalam keadaan murtad. Ini kerana ia menjelaskan bahawa pesalah murtad tidak lagi dianggap sebagai pemilik setelah murtad.

BAHAGIAN 2

QISAS

BAB 1

QISAS

2.1 QISAS

2.1.1 Pengertian Qisas

Pengertian dari Segi Bahasa: Memotong

Pengertian dari Segi Istilah: Membunuh si pembunuh atau mencederakan si pencedera dengan cara yang ditetapkan oleh syariat islam.

2.1.2 Dalil Pensyariatan Qisas

Firman Allah SWT dalam Surah al-Maa'idah (5) ayat 45:

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنَّ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ
بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنَ بِالْأُذُنِ وَالسِّنَّ
بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحَ قِصَاصٌ فَمَن تَصَدَّقَ بِهِ فَهُوَ
كَفَّارَةٌ لَهُ وَمَن لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ

هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٤٥﴾

Maksudnya: Dan kami telah tetapkan atas mereka di dalam kitab Taurat itu, bahawa

jiwa dibalas dengan jiwa, dan mata dibalas dengan mata, dan hidung dibalas dengan hidung, dan telinga dibalas dengan telinga, dan gigi dibalas dengan gigi, dan luka-luka hendaklah dibalas (seimbang). Tetapi sesiapa yang melepaskan hak membalasnya, maka menjadilah ia penebus dosa baginya; dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim. (45)

2.1.3 Hukuman Terhadap Kesalahan Qisas

Mengikut hukum qisas, seseorang penjenayah mesti diikuti dengan hukuman yang sama sepertimana dia lakukan ke atas mangsanya.

Tindakan ini merangkumi perbuatan yang melibatkan pembunuhan atau kecederaan pada fizikal seseorang. Contoh, sekiranya dia membunuh, maka dia mesti dihukum bunuh.

2.1.4 Syarat-syarat Pelaksanaan Qisas

Qisas bagi jenayah membabitkan nyawa perlu memenuhi empat syarat berikut:

- 1) Individu yang dihukum qisas mestilah orang yang tertakluk dengan hukum syarak (mukalaf) iaitu baligh dan berakal.

Ini bermakna qisas tidak boleh dijalankan terhadap kanak-kanak dan orang gila walaupun mereka melakukan jenayah yang boleh dikenakan qisas.

- 2) Pesalah mestilah bukan keluarga mangsa iaitu bukan bapa, ibu, datuk, nenek dan sebagainya walau sejauh

mana sekalipun hubungan mereka. Seorang bapa yang membunuh anaknya tidak akan dikenakan qisas.

3) Mangsa kesalahan qisas adalah Islam.

Mangsa bunuh adalah terpelihara darahnya dengan sebab Islam. Contohnya, seorang Muslim tidak akan dihukum qisas jika membunuh orang kafir, sama ada orang kafir ini kafir zimmi iaitu yang membuat perjanjian (*mu'ahad*), kafir harbi iaitu orang kafir yang belum pernah menerima seruan Islam.

Ini kerana hak hukuman qisas adalah hanya kepada seorang Muslim keatas Muslim yang lain.

a) **Hamba Mudabbar**

Hamba merdeka apabila tuannya meninggal dunia.

b) **Hamba Mukatab**

Hamba yang diberi peluang oleh tuannya untuk menebus dirinya dengan bayaran tertentu

c) **Hamba Qinnu**

Status perhambaan nya murni tanpa ada campuran, sama ada dimiliki oleh satu orang atau lebih yang disebut *al-qinn al-musyarak* (hamba milik bersama).

d) **Hamba Muba'adh**

Hamba *Muba'adh* ialah hamba yang sebahagian dirinya merdeka manakala sebahagian lagi masih kekal hamba. Empat keadaan bagi hamba *muba'adh*.

- (i) Salah seorang tuan kepada hamba tersebut memerdekakan bahagiannya. Manakala rakan kongsinya yang juga memiliki hamba tersebut tidak memerdekakan bahagiannya.

- (ii) Tuan kepada hamba tersebut memerdekakan sebahagian sahaja dari tubuh-badannya.
 - (iii) Hamba *muba'adh* melahirkan anak dari suaminya atau dari zina. Maka anak yang dilahirkan juga adalah seorang hamba *muba'adh*.
 - (iv) Anak yang dilahirkan oleh hamba sahaya yang dimiliki secara perkongsian.
- 4) Persamaan taraf antara pembunuh dan mangsa bunuh.

Persamaan tersebut adalah dari sudut kebebasan diri, iaitu kedua-duanya adalah merdeka (bukan hamba). Orang merdeka tidak akan dihukum *qisas* jika membunuh seorang hamba, sama ada hamba tersebut hamba *mudabbar*, *mukatab*, *qinnu* atau *muba'adh*.

Ini kerana hak hukuman *qisas* adalah hanya kepada orang yang merdeka terhadap orang yang merdeka yang lain..

2.1.5 Syarat-syarat Hukuman Qisas bagi Qisas Anggota

Firman Allah SWT dalam Surah al-Maa'idah (5) ayat 45:

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنَّ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ
بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنَ بِالْأُذُنِ وَالسِّنَّ
بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحَ قِصَاصٌ فَمَن تَصَدَّقَ بِهِ ۗ فَهُوَ
كِفَارَةٌ لَهُ ۖ وَمَن لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ
هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٤٥﴾

Maksudnya: Dan kami telah tetapkan atas mereka di dalam kitab Taurat itu, bahawa jiwa dibalas dengan jiwa, dan mata dibalas dengan mata, dan hidung dibalas dengan hidung, dan telinga dibalas dengan telinga, dan gigi dibalas dengan gigi, dan luka-luka hendaklah dibalas (seimbang). Tetapi sesiapa yang melepaskan hak membalasnya, maka menjadilah ia penebus dosa baginya; dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim. (45)

- 1) Anggota yang ingin dipotong mestilah sama dari segi istilahnya dengan anggota mangsa yang dipotong.

Contohnya: Tangan kanan mestilah dengan tangan kanan, tangan kiri dengan tangan kiri dan sebaliknya. Namun demikian, persamaan ini tidak mengambil kira aspek saiz, ukuran dan kekuatan.

- 2) Tidak boleh melibatkan anggota yang lumpuh dengan anggota yang normal.

Contohnya: Tidak dibenarkan memotong tangan yang normal sebagai balasan kepada tangan yang lumpuh walaupun pesalah bersetuju. Walau bagaimanapun, dibenarkan memotong tangan yang lumpuh sebagai balasan kepada tangan yang normal atau tangan yang lebih rendah tahap lumpuhnya. Ini kerana dalam kes kedua ini, ia tidak menjejaskan aspek persamaan yang menjadi asas kepada qisas.

- 3) Anggota yang ingin dipotong mestilah boleh dipotong pada sendinya seperti siku dan pergelangan tangan atau had yang boleh ditetapkan seperti telinga. Sekiranya kadar kecederaan tersebut tidak boleh dipastikan seperti bengkak, luka atau potongan yang bukan pada sendi atau had yang boleh dikenal pasti, hukuman qisas tidak boleh dijalankan. Ini kerana ia adalah syarat utama hukuman qisas.

BAB 2

KAEDAH PENETAPAN PELAKSANAAN HUKUMAN QISAS

2.2 KAEDAH PENETAPAN PELAKSANAAN HUKUMAN QISAS

2.2.1 Kaedah Pelaksanaan Hukuman Qisas

Hukuman qisas dapat dilaksanakan dengan melalui salah satu daripada kaedah berikut:

1) **Pengakuan.**

Apabila seseorang membuat pengakuan yang boleh menyebabkan dia dihukum qisas, maka hukuman akan dilaksanakan ke atasnya. Sama ada kesalahan tersebut jenayah bunuh mahupun jenayah mendatangkan kecederaan.

2) **Keterangan saksi.**

Terdapat dua orang saksi lelaki yang adil. Tiada pensabitan jika saksi hanya terdiri daripada seorang lelaki walaupun disertai dengan tambahan dua orang saksi perempuan.

2.2.2 Kaedah Pelaksanaan Hukuman Denda Berbentuk Harta

Hukuman membabitkan denda harta disabitkan melalui kaedah berikut:

1) **Pengakuan.**

apabila seseorang mengakui telah membunuh sama ada secara separuh sengaja atau tidak sengaja atau mendatangkan kecederaan yang tidak dikenakan

qisas, maka hukuman denda berbentuk harta akan dijalankan terhadapnya.

2) **Keterangan saksi.**

Dua orang lelaki yang adil.

3) **Saksi seorang lelaki dan dua orang perempuan.**

Ini kerana dalam masalah yang melibatkan wang, keterangan perempuan boleh diterima. Keterangan dua orang perempuan menyamai keterangan seorang lelaki.

4) **Saksi seorang lelaki dan sumpah orang yang mendakwa.**

5) **Berdasarkan pengetahuan hakim.**

Apabila hakim mengetahui jenayah tersebut, keputusannya adalah sah dan orang yang didakwa perlu membayar jumlah wang yang dikenakan.

2.2.3 Kaedah Pelaksanaan Qisas dari Segi Kandungan dan Teknikal

Pada dasarnya, qisas mestilah dilaksanakan dengan penuh kesaksamaan dengan jenayah yang telah dilakukan dari segi kandungan dan teknikalnya.

1) **Persamaan dari segi kandungan** qisas adalah wajib dan mestilah dipenuhi. Sekiranya persamaan ini tidak disempurnakan, hukuman qisas akan digugurkan. Dengan ini, jenayah memotong anggota akan dibalas dengan memotong anggota yang sama dan pada tempat yang sama.

Jika tidak dapat dilaksanakan, maka qisas digugurkan. Apabila lengan atas ditetak hingga tulangnya pecah dan putus, pesalah akan dipotong pada sikunya kerana sendi siku adalah yang terdekat dengan tempat jenayah, selebihnya pesalah dikenakan membayar

hukumah. Seterusnya, pesalah akan dipotong pada sendi yang terhampir dengan anggota yang dipatahkan dan membayar hukumah baginya.

- 2) **Persamaan dari segi teknikal** pula adalah hak yang diberikan kepada keluarga mangsa. Mereka boleh menuntut hak ini jika menghendakinya. Maksudnya ialah, pesalah akan dihukum bunuh dengan alat dan cara yang sama digunakan untuk membunuh mangsa.

Sekiranya pesalah membunuh dengan pedang, persamaan dari segi teknikal ialah dia akan dihukum bunuh dengan pedang. Demikian juga jika pembunuhan dilakukan dengan tembakan, membakar atau mencekik. Keluarga mangsa berhak menuntut pesalah dihukum dengan cara yang sama dan pemerintah perlu memenuhi permintaan tersebut.

Walau bagaimanapun, kebenaran di atas hanya bagi pembunuhan yang menggunakan alat yang dibenarkan. Bagi pembunuhan yang menggunakan alat atau cara yang tidak dibenarkan seperti sihir atau apa sahaja cara yang diharamkan, hukuman bunuh hanya dijalankan menggunakan pedang.

2.2.4 Syarat-syarat Pelaksanaan Hukuman Qisas yang Dijalankan Sendiri oleh Keluarga Mangsa

Setelah pemerintah meneliti kes jenayah, dari segi bunuh, mendatangkan kecederaan atau sebagainya dan pemerintah menjatuhkan hukuman qisas, keluarga mangsa berhak menuntut hakim membenarkan mereka menjalankan sendiri hukuman tersebut.

Hakim wajib membenarkan mereka melakukannya. Dengan hukuman qisas yang dijalankan sendiri oleh keluarga mangsa, ia dapat melaksanakan qisas mereka.

Walau bagaimanapun, terdapat dua syarat yang perlu dipenuhi:

- 1) Pelaksanaan tersebut mestilah mendapat kebenaran daripada pemerintah. Sekiranya keluarga mangsa menjalankan qisas tanpa mendapat kebenaran pemerintah, mereka dianggap berdosa dan pemerintah boleh menghukum mereka dengan hukuman yang sesuai (takzir) seperti sebatan atau penjara.

Walau bagaimanapun, pemerintah tidak boleh menjatuhkan hukuman bunuh terhadap mereka. Namun bagi jenayah yang berlaku dalam kawasan yang tidak mempunyai pemerintah, keluarga mangsa berhak menjalankan qisas dengan syarat tindakan tersebut tidak menimbulkan huru-hara.

- 2) Hukuman qisas yang dibenarkan jika membabitkan nyawa seseorang. Jenayah yang melibatkan kecederaan pada anggota, menurut pendapat sah, hukuman ini hanya boleh dijalankan oleh pemerintah atau wakil yang dilantik.

Alasannya ialah hukuman secara langsung daripada keluarga mangsa tidak dapat dipastikan benar-benar adil ketika ia dijalankan ke atas pesalah. Ini kerana mereka tidak berkemahiran tentang kaedah pemotongan untuk melakukan kecederaan yang sama. Ia berbeza dengan hukuman bunuh kerana masalah ini tidak timbul.

2.2.5 Tuntutan Bertindih Keluarga Mangsa

- 1) Sekiranya mangsa mempunyai ahli keluarga yang ramai dan masing-masing menuntut untuk melaksanakan sendiri hukuman tersebut, mereka perlu melantik salah seorang di antara mereka sebagai wakil.

Sekiranya tiada keputusan dicapai, mereka perlu mengundi dan orang yang terpilih akan melaksanakan hukuman tersebut.

- 2) Sekiranya salah seorang daripada wali mangsa tidak datang, hukuman perlu ditangguhkan sehingga dia hadir. Jika pesalah perempuan hamil, hukuman perlu ditangguhkan sehingga perempuan tersebut melahirkan anaknya dan menyusukan sehingga anak itu tidak memerlukannya lagi.

Begitu juga jika terdapat waris mangsa yang masih kecil, hukuman perlu ditangguhkan sehingga anak ini baligh. Jika terdapat waris yang gila, hukuman ditangguhkan sehingga dia sedar. Dengan itu, pembunuh itu akan dipenjara sehingga kanak-kanak tersebut baligh dan orang gila itu sedar.

BAB 3

DIAT

2.3 DIAT

2.3.1 Pengertian Diat

Pengertian dari Segi Bahasa: Diat adalah isim masdar daripada perkataan Arab iaitu *wada*, *yadi* dan asalnya *wadiyah*. Ia bermaksud memberi atau membayar diat.

Pengertian dari Segi Istilah: Diat adalah nama bagi harta yang wajib dibayar kerana sesuatu jenayah yang dilakukan terhadap nyawa atau anggota badan yang tidak mengakibatkan kehilangan nyawa. Harta ini pada asalnya dibayar dengan unta atau nilai yang sama sebagai ganti.

2.3.2 Dalil Pensyariatan Diat

Firman Allah SWT dalam Surah an-Nisaa' (4) ayat 92:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ أَنْ يَقْتُلَ مُؤْمِنًا إِلَّا خَطَأً ۚ وَمَنْ قَتَلَ
مُؤْمِنًا خَطَأً فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ وَدِيَةٌ مُسَلَّمَةٌ إِلَىٰ
أَهْلِهِ ۚ إِلَّا أَنْ يَصَّدَّقُوا فَإِنْ كَانَ مِنْ قَوْمٍ عَدُوٍّ لَكُمْ
وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ وَإِنْ كَانَ مِنْ قَوْمٍ
بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ مِيثَاقٌ فَدِيَةٌ مُسَلَّمَةٌ إِلَىٰ أَهْلِهِ ۚ وَتَحْرِيرُ
رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ ۗ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ
تَوْبَةً مِنَ اللَّهِ ۗ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿٩٢﴾

Maksudnya: *Dan tidak harus sama sekali bagi seseorang mukmin membunuh seorang mukmin yang lain, kecuali dengan tidak sengaja. Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan tidak sengaja, maka (wajiblah ia membayar kaffarah) dengan memerdekakan seorang hamba yang beriman serta membayar "diah" (denda ganti nyawa) yang diserahkan kepada ahlinya (keluarga si mati), kecuali jika mereka sedekahkan (memaafkannya). Tetapi jika ia (yang terbunuh dengan tidak sengaja) dari kaum (kafir) yang memusuhi kamu, sedang ia sendiri beriman, maka (wajiblah si pembunuh membayar kaffarah sahaja dengan) memerdekakan seorang hamba yang beriman. Dan jika ia (orang yang terbunuh dengan tidak sengaja itu) dari kaum (kafir) yang ada ikatan perjanjian setia di antara kamu dengan mereka, maka wajiblah membayar "diah" (denda ganti nyawa) kepada keluarganya serta memerdekakan seorang hamba yang beriman. Dalam pada itu, sesiapa yang tidak dapat (mencari hamba yang akan dimerdekakannya), maka hendaklah ia berpuasa dua bulan berturut-turut; (hukum yang tersebut) datangnya dari Allah untuk menerima taubat (membersihkan diri kamu). Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. (92)*

2.3.3 Jenis-jenis Diat Niat Jenayah Qisas

Diat berdasarkan niat jenayah terbahagi kepada dua jenis:

- 1) Diat mughallazah (berat) iaitu diat bagi pembunuhan dengan niat dan separuh sengaja.
- 2) Diat mukhaffafah (ringan) iaitu diat bagi pembunuhan tanpa niat.

2.3.4 Pembahagian Diat Jenayah Qisas

Diat bagi jenayah qisas yang dilakukan terbahagi kepada dua bahagian:

- 1) Diat nyawa iaitu diat dibayar sebagai pampasan kepada nyawa yang dibunuh.
- 2) Diat anggota badan iaitu diat yang dibayar sebagai pampasan kepada anggota badan yang dipotong.

2.3.5 Kadar Diat

2.3.5.1 Diat Nyawa

Seperti yang dinyatakan, terdapat tiga kategori pembunuhan iaitu:

- a) Pembunuhan dengan niat.
- b) Pembunuhan separuh sengaja.
- c) Pembunuhan tanpa niat.

Kaedah pembayaran diat adalah seperti berikut:

a) **Diat bunuh dengan niat.**

Pada dasarnya, hukuman bagi kesalahan membunuh dengan niat ialah qisas. Oleh kerana qisas adalah hak keluarga mangsa, mereka berhak mengubah hukuman qisas kepada hukuman diat.

Sekiranya hukuman ini diubah kepada diat, ia perlu dibayar dengan 100 ekor unta dengan pembahagian kepada 3 jenis kategori unta seperti berikut:

- 1) 30 ekor hiqqah - unta betina berumur 3 tahun.
- 2) 30 ekor jazaah - unta betina berumur 4 tahun.
- 3) 40 ekor khalifah - betina yang bunting.

Pembayaran diat mestilah menggunakan harta pesalah itu sendiri dan perlu dibayar serta merta tanpa ditangguh. Sekiranya unta tidak diperolehi, pesalah wajib membayar pada kadar nilai yang sama.

b) **Diat bunuh separuh sengaja.**

Diat bagi jenayah membunuh separuh sengaja berjumlah 100 ekor unta dengan pembahagian kepada 3 jenis kategori unta seperti berikut:

- 1) 30 ekor hiqqah - unta betina berumur 3 tahun.
- 2) 30 ekor jazaah - unta betina berumur 4 tahun.
- 3) 40 ekor khalifah - unta betina yang bunting.

Pembayaran diat dibuat menggunakan harta keluarga pesalah dari kalangan lelaki (aqilah) dan ia dibuat dalam tempoh tiga tahun dimana setiap tahun satu pertiga diat.

Apa yang dimaksudkan dengan keluarga pesalah dari kalangan lelaki iaitu mereka yang dalam kategori asobah bagi pesalah selain daripada zuriat dan keturunannya.

c) Diat bunuh tanpa niat

Diat bagi jenayah membunuh tanpa niat berjumlah 100 ekor unta dengan pembahagian kepada 5 jenis kategori unta seperti berikut:

- 1) 20 ekor makhdah – unta betina 1 tahun.
- 2) 20 ekor anak betina (labun) – unta betina 2 tahun.
- 3) 20 ekor anak jantan labun – unta betina 2 tahun.
- 4) 20 ekor hiqqah – unta berumur 3 tahun.
- 5) 20 ekor jazaah – unta berumur 4 tahun.

Pembayaran dilakukan oleh keluarga pesalah dari kalangan lelaki dan dibayar dalam tempoh tiga tahun.

2.3.5.2 Diat Anggota Badan

Diat anggota badan bergantung kepada kepentingan anggota badan yang terbabit. Dengan ini, diat tersebut mungkin bersifat penuh atau hanya sebahagian.

Diat penuh akan dikenakan pada jenayah yang menyebabkan kedua-dua tangan terputus daripada pergelangannya, kedua-dua kaki,

semua hidung iaitu bahagian hidung yang lembut terdiri daripada kedua-dua lubang dan pemisahannya, kedua-dua buah zakar, kedua-dua mata, empat kelopak mata, lidah dan kedua-dua bibir.

Mengenai kesalahan yang dikenakan bayaran sebahagian diat, sebahagiannya seperti sebelah tangan, sebelah kaki, sebelah mata, sebelah telinga dan dua kelopak mata.

Setiap satu anggota ini dikenakan separuh diat iaitu 50 ekor unta, bagi setiap jari tangan dan kaki dikenakan 10 ekor unta. Bagi setiap kelopak mata suku diat iaitu 25 ekor unta.

Bagi kecederaan *al-Muadhhdhihah* (kecederaan yang menampakkan tulang) dikenakan 5 ekor unta. Bagi setiap gigi normal yang dicabut, dikenakan 5 ekor unta.

Diat bagi kecederaan atau sebagainya yang tidak dapat dinilai dengan tepat seperti memotong anggota yang tidak berguna. Contohnya tangan yang lebih daripada dua, semua kecederaan ini dikenakan *hukumah*.

Hukumah ialah sebahagian daripada diat yang dibayar kepada mangsa jenayah. Ia diketahui dengan cara menilai mangsa dengan harga seseorang hamba beserta sifat-sifat yang ada padanya. Setelah itu, mangsa akan dinilai sekali lagi selepas jenayah tersebut.

Perbezaan antara nilai sebelum dan selepas jenayah ini akan menentukan seratus diat yang wajib dibayar. Ini kerana keseluruhan anggota dibayar ganti rugi dengan diat yang penuh.

Dengan ini, setiap bahagian yang cedera akan dibayar ganti rugi berdasarkan kadarnya.

Jika harganya sebelum berlaku jenayah adalah 100, ditanya pula berapakah harganya selepas berlaku jenayah? Jika nilainya adalah 90, perbezaannya adalah 10.

Oleh itu, diat yang wajib dibayar 10 iaitu 10 ekor unta jika mangsa adalah merdeka, lelaki dan beragama Islam. Disyaratkan juga supaya hukumah yang dikenakan tidak melebihi diat anggota yang dinilai. Jika ini berlaku, pemerintah akan mengurangkan sedikit nilai hukumah tersebut.

Jika anggota tersebut tidak mempunyai nilai tertentu, disyaratkan agar tidak melebihi nilai diat nyawa. Dinamakan demikian kerana kadarnya bergantung kepada keputusan hakim, walaupun ada orang lain yang membuat penilaian, ia tidak akan diterima pakai.

2.3.5.3 Diat Perempuan

Diat bagi jenayah yang dilakukan terhadap perempuan adalah separuh daripada diat lelaki, sama ada bagi diat nyawa mahupun anggota, sama ada bagi kecederaan pada anggota atau pada keupayaan.

Hikmah di sebalik penentuan diat perempuan hanya separuh daripada diat lelaki ialah pendapatan. Syarak telah menggariskan kepentingan (keperluan) harta bagi perempuan adalah separuh daripada (kepentingan harta) bagi lelaki seperti mana pusaka. Konsep ini bertepatan dengan realiti dan tabiat yang berbeza antara lelaki dan perempuan.

2.3.5.4 Diat Janin

Janin ialah kandungan yang terdapat dalam perut ibu sebelum dilahirkan dan mula menjalani fasa pembentukan dan kejadian.

Sekiranya pesalah melakukan jenayah terhadap janin yang merdeka dan Islam sama ada lelaki mahupun perempuan dengan cara menyerang perut dikenakan ghurrah iaitu membayar satu perdua puluh ($1/20$) diat bersamaan dengan lima ekor unta. Jika unta tiada, pesalah wajib membayar dengan nilai yang sama. Menurut sesetengah pendapat, pesalah perlu membayar diat 50 dinar.

Sekiranya ibu kandungan sendiri melakukan sesuatu yang boleh menyebabkan kematian janin seperti menelan ubat untuk menggugurkan anak tanpa ada keperluan yang mendesak (darurat), dia wajib dikenakan satu perdua puluh diat ($1/20$) yang dibayar kepada waris janin. Si ibu tidak akan menerima bahagiannya daripada diat kerana dialah pembunuh janin tersebut.

Seorang pembunuh tidak boleh mewarisi pusaka. Demikianlah doktor yang menggugurkan kandungan tanpa sebarang sebab yang mendesak. Selain dikenakan diat, pesalah turut dikenakan bayaran kafarah.

a) **Persoalan sekiranya berlaku hamil diluar nikah dan si lelaki meminta atau memaksa si perempuan untuk menggugurkan kandungan, kepada siapakan diat tersebut dibayar?**

Orang yang berzina dikenakan hudud dan takzir. Tiada diat dikenakan, kerana asal diat

hanya layak diterima oleh waris yang tidak menjadi penyebab terjadinya pembunuhan atau kecacatan.

Istilah waris, adalah waris yang sah iaitu (pasangan yang berkahwin). Orang yang berzina adalah pasangan yang tidak sah, tiada istilah waris bagi pasangan yang tidak sah.

b) **Jika Wanita tersebut dipaksa menggugurkan kandungan adakah dia dikenakan diat?**

Sekiranya suami menyuruh isterinya menggugurkan kandungannya dan isteri rela menggugurkan kandungannya.

Menurut jumhur ulamak (Imam Abu Ḥanifah, Imam Syafie dan Imam Aḥmad) bahawa ketentuan penetapan hukuman qisas yang tidak boleh dilaksanakan adalah jika orang tua membunuh anaknya, maka ayah yang membunuh anaknya tidak dikenakan hukuman qisas, tetapi hanya dengan hukuman takzīr.

Pendapat jumhur ulamak, sebagaimana ḥadis riwayat Imam Ibnu Hajar al-Asqolani dalam *takhrij misykaatul Masoobij* (3/378):

لَا يُعَادُ بِالْوَلَدِ الْوَالِدُ

Bermaksud: *Dari Ibnu „Abbās dari Nabi saw. bersabda: “Tidak dibunuh orang tua yang membunuh anaknya”.*

Dan hadis riwayat Imam Ibnu Majah (1870),
daripada Abdillah bin Amru RA:

جاء رجل إلى النبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ
وسَلَّمَ فقال إِنَّ أَبِي اجتاح مالي فقالَ
أنتَ ومالك لأبيك ..

Bermaksud: *Telah datang seorang lelaki kepada Nabi SAW lalu berkata: Sesungguhnya ayahku mengambil harta ku maka Nabi SAW bersabda: "Kamu dan harta kamu itu adalah milik ayahmu..".*

Berdasarkan hadis berikut, jumhur berpendapat bahwa hukuman qisas tidak dijatuhkan terhadap seorang ayah atau orang tua yang membunuh anaknya, kerana membunuh anaknya mengandungi unsur syubhat (tidak ada sandaran hukum yang jelas) berkaitannya.

Syarat-syarat wajib diat janin

- 1) Jenayah yang dilakukan memberi kesan kepada janin seperti memukul, memberi ubat atau sebagainya. Bukan sekadar tamparan kecil atau sebagainya yang tidak memberi kesan kepada janin.
- 2) Berpisah gugur dari kandungan ibu. Sekiranya jenayah yang dilakukan menyebabkan si ibu mati tetapi janin tidak berpisah daripada ibu, penjenayah tidak dikenakan membayar diat janin. Keguguran di ambil kira berdasarkan

sebahagian daripada janin terpisah untuk membuktikan kewujudannya.

- 3) Kandungan yang terpisah mestilah disahkan mati. Sekiranya janin tersebut masih hidup, ia perlu dilihat. Sekiranya masih sihat dalam tempoh yang lama tanpa ada tanda kesakitan dan kemudian mati, pesalah tidak akan dihukum. Ini kerana pada zahirnya kandungan ini mati disebabkan oleh faktor lain.

Sekiranya kandungan tersebut mati ketika keluar atau masih hidup tetapi sakit dan sakit itu menyebabkan kematiannya, maka pesalah dikenakan diat penuh. Kehidupan bayi boleh diketahui melalui tangisan atau wujud tanda yang menunjukkan dia hidup seperti bernafas, menghisap susu dan lain-lain. Sekiranya janin mati selepas kematian ibunya akibat serangan tersebut, pesalah diwajibkan membayar diat janin.

2.3.5.5 Diat Ahli Kitab

Ahli kitab ialah orang Yahudi dan Kristian. Bagi ahli kitab yang dijamin nyawanya melalui jaminan (zimmah), perjanjian atau perlindungan oleh umat Islam, jika dia dibunuh diatnya ialah satu pertiga (1/3) diat orang Islam sama ada dalam hal membabitkan nyawa mahupun anggota badan.

2.3.5.6 Diat Majusi

Diat penganut Majusi dan juga diat penyembah berhala yang mendapat perlindungan negara Islam ialah satu perlima belas (1/15) daripada diat orang Islam. Jumlah ini bersamaan 800 dirham.

2.3.5.7 Pengampunan daripada Diat

Keluarga mangsa dari kalangan lelaki berhak menggugurkan kesemua atau sebahagian diat. Ini kerana Allah SWT meletakkan hak ini sebagai hak manusia.

Hak diberikan bertujuan memulihkan hubungan manusia supaya tidak diancam angkara dendam dan dengki. Sekiranya pihak yang berhak, menggugurkan haknya, ia suatu perbuatan yang mulia dan terpuji. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah (2) ayat 237:

... وَأَنْ تَعْفُوا أَقْرَبَ لِلتَّقْوَىٰ وَلَا تَنْسُوا
الْفَضْلَ بَيْنَكُمْ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ

بَصِيرٌ ﴿٢٣٧﴾

Maksudnya: ...Dan perbuatan kamu bermaaf-maafan (halal menghalalkan) itu lebih hampir kepada taqwa. Dan janganlah pula kamu lupa berbuat baik dan berbudi sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu kerjakan. (237)

BAB 4

KATEGORI JENAYAH BUNUH BESERTA HUKUMANNYA

2.4 KATEGORI JENAYAH BUNUH

Terdapat tiga kategori bunuh iaitu:

- 1) Pembunuhan dengan niat atau sengaja.
- 2) Pembunuhan hampir sengaja.
- 3) Pembunuhan tanpa niat atau tidak sengaja.

Semua kategori ini membabitkan hukuman yang berbeza.

2.4.1 Pembunuhan Dengan Niat Atau Sengaja

Pembunuhan dengan niat atau sengaja bermaksud membunuh seseorang dengan tujuan membunuh menggunakan alat yang biasanya boleh membunuh. Berdasarkan takrif ini, pembunuhan dengan niat perlu memenuhi dua ciri berikut:

1) Niat membunuh.

Orang yang membunuh tanpa niat tidak dikatakan membunuh dengan sengaja. Contohnya, orang yang menembak ketika memburu tetapi terkena seseorang yang menyebabkan kematiannya.

2) Alat yang digunakan mestilah alat yang biasanya boleh menyebabkan kematian.

Sekiranya pesalah memukul menggunakan kayu kecil atau membaling dengan batu kecil di bahagian yang

tidak boleh menyebabkan kematian pada kebiasaannya, tetapi pukulan atau balingan tersebut telah menyebabkan kematian mangsa, perbuatan seperti ini tidak dinamakan sebagai pembunuhan dengan niat. Ini kerana alat yang digunakan biasanya tidak boleh menyebabkan kematian.

2.4.1.1 Bentuk Pembunuhan Dengan Niat atau Sengaja

Terdapat banyak bentuk perbuatan yang dikategorikan sebagai pembunuhan dengan niat dan memenuhi dua ciri di atas:

- 1) Tetakan dengan pedang tajam dan mangsa mati disebabkan dengan tetakan ini. Demikian juga dengan tembakan peluru yang menyebabkan kematian.
- 2) Tusukan jarum benda tajam di bahagian yang boleh menyebabkan kematian seperti di kepala, mata, rusuk, buah pinggang dan sebagainya yang menurut pakar, serangan terhadap bahagian-bahagian ini boleh menyebabkan kematian. Sekiranya kematian mangsa disebabkan oleh tusukan bahagian ini, pembunuh tersebut dianggap bunuh dengan niat
- 3) Pukulan dengan benda berat yang biasanya boleh mengakibatkan kematian. Contohnya tukul atau sebagainya atau dengan selain daripada besi seperti batu besar atau kayu besar.
- 4) Membakar dengan api, mensalib, menghempap dengan dinding atau bumbung, memijak dengan haiwan, melanggar dengan kereta, menanam hidup-hidup, meramas

dengan kuat buah zakar sehingga mati dan sebagainya. Pembunuhan seperti ini dikategorikan sebagai pembunuhan dengan niat.

- 5) Mencekik, sama ada dengan menutup mulut dan hidung atau meletak bantal di mulut dan hidung sehingga menyebabkan kematian akibat sesak nafas. Jika mangsa dilepaskan sebelum mati tetapi perbuatan tadi menyebabkan mangsa tercekik, tidak bermaya dan menanggung kesakitan sehingga mati, ia dikategorikan sebagai pembunuhan dengan niat.
- 6) Memberi racun yang membunuh, atau mengurung dan tidak memberi makan minum sehingga mati atau disihir dengan perbuatan sihir yang biasanya boleh mengakibatkan kematian. semua perbuatan ini dikategorikan sebagai pembunuhan dengan niat.
- 7) Memukul dengan kayu kecil atau membaling batu kecil tetapi bertalu-talu sehingga menyebabkan kematian ataupun kesan pukulan terlalu berat menyebabkan mangsa jatuh sakit hingga menyebabkan kematiannya. Semua ini juga dikategorikan sebagai pembunuhan dengan niat.
- 8) Dua orang lelaki yang memberi keterangan di hadapan hakim bahawa tertuduh membunuh dengan niat menyebabkan tertuduh dijatuhkan hukuman mati. Setelah mangsa mati, kedua-dua saksi tadi menarik balik keterangan mereka dan mengaku sengaja memberi keterangan palsu. Kedua-duanya dikenakan hukuman qisas kerana kematian mangsa disebabkan oleh keterangan mereka.

Perbuatan mereka ini dikategorikan sebagai pembunuhan dengan niat.

2.4.1.2 Hukum Pembunuhan Dengan Niat atau Sengaja

Pembunuhan dengan niat atau sengaja melibatkan dua hukuman iaitu hukuman agama (akhirat) dan hukuman mahkamah (dunia). Kedua-duanya adalah haram. Kesalahan ini dikategorikan sebagai dosa besar selepas dosa kufur. Pesalah akan dihukum dengan azab yang pedih dalam api neraka sekiranya dia tidak bertaubat.

Hukuman mahkamah atau dunia bagi kesalahan membunuh dengan niat ialah hukuman qisas atau mati. Hukuman ini dinamakan dalam bahasa Arab sebagai *al-qawad* yang bermaksud tonton kerana mereka akan menonton dan mengarak pesalah dengan tali atau sebagainya ke tempat hukuman mati.

Hukuman ini dinamakan qisas kerana penuntut bela akan membalas menggunakan cara yang dilakukan oleh penjenayah. Hukuman qisas adalah hukum asal bagi kesalahan membunuh dengan niat. Hak menentukan hukuman ini adalah hak waris mangsa. Sekiranya waris mangsa mahu hukuman ini dijalankan, hakim bertanggungjawab membantu mereka menunaikan hasrat mereka ini.

Namun sekiranya, mereka menuntut supaya pesalah diampunkan, atau menukar hukuman qisas kepada diat atau pampasan, sama ada ia dituntut oleh semua atau hanya sebahagian waris, maka mereka berhak mendapat pampasan yang diambil daripada harta pesalah.

Pesalah dikehendaki membayar diat ini dengan segera dan tidak melengah-lengahkannya. Perlu difahami bahawa pengampunan bagi hukuman qisas oleh sebahagian waris dikira seperti pengampunan kesemua waris.

Ini kerana hukuman qisas tidak boleh dibahagikan-bahagikan. Apabila sebahagian waris mengampunkannya, ia bermakna semua waris hanya berhak menuntut diat dan tiada siapa seorang pun yang menuntut qisas.

Diat Bunuh dengan Niat atau Sengaja

- 1) Dikenakan diat mughallazah (berat). Sekiranya hukuman ini diubah kepada diat, ia perlu dibayar sebanyak 100 ekor unta dengan pembahagian kepada 3 jenis kategori unta seperti berikut:
 - (i) 30 ekor hiqqah – unta betina berumur 3 tahun.
 - (ii) 30 ekor jazaah – unta betina berumur 4 tahun.
 - (iii) 40 ekor khalifah – unta betina yang bunting.
- 2) Pembayaran diat mestilah menggunakan harta pesalah itu sendiri.
- 3) Perlu dibayar serta merta tanpa ditangguh. Sekiranya unta tidak diperolehi, pesalah wajib membayar pada kadar nilai yang sama.

2.4.2 Pembunuhan Hampir Sengaja

Pada dasarnya, pembunuhan hampir sengaja ialah pembunuhan yang dilakukan dengan menggunakan alat yang pada kebiasaannya tidak boleh mengakibatkan kematian. Tetapi dilakukan dengan niat jahat atau mencero boh, tanpa hak dan menyebabkan kematian mangsa. Terdapat banyak bentuk yang dapat menjelaskan tentang pembunuhan hampir sengaja ini.

2.4.2.1 Bentuk Pembunuhan Hampir Sengaja

- 1) Memukul mangsa dengan kayu kecil dan dengan perlahan. Namun pukulan tersebut mengenai bahagian yang boleh mengakibatkan kematian dan mangsa mati akibat pukulan tersebut.
- 2) Mencampak mangsa ke dalam air hingga tenggelam sedangkan mangsa diketahui mahir berenang. Walau bagaimanapun, mangsa dipukul rebut atau ombak menyebabkan dia lemas dan mati. Sekiranya mangsa diketahui tidak pandai berenang, tindakan tersebut dikategorikan sebagai pembunuhan dengan niat.
- 3) Mengikat mangsa di tepi air yang mempunyai kemungkinan paras airnya akan surut atau naik, kemudian paras air meningkat hingga mengakibatkan mangsa mati. Sekiranya paras air diketahui akan meningkat dan mangsa mati disebabkan tindakan tersebut, kematian tersebut dikategorikan sebagai pembunuhan dengan niat.

2.4.2.2 Hukum Pembunuhan Hampir Sengaja

Pembunuhan hampir sengaja juga turut melibatkan dua hukuman iaitu hukuman agama (akhirat) dan hukuman mahkamah (dunia).

Hukuman agama atau akhirat ialah haram, berdosa dan layak menerima azab di akhirat. Ini kerana pembunuhan dilakukan dengan niat. Namun hukuman yang diberikan lebih ringan daripada hukuman bunuh dengan niat.

Bagi hukuman mahkamah atau duniawi pula, hukuman dikenakan ialah diat yang berat daripada beberapa aspek. Pembunuhan dalam kategori ini tidak dikenakan qisas seperti kategori bunuh dengan niat walaupun waris mangsa menuntut hukuman qisas

Diat Bunuh Hampir Sengaja

- 1) Diat bagi kesalahan ini berjumlah 100 ekor unta daripada tiga jenis unta iaitu 30 ekor hiqqah, 30 ekor jaza'ah dan 40 ekor khalifah.
- 2) Perbezaan antara diat bunuh dengan niat dan bunuh separuh sengaja ialah:
 - (i) Bunuh dengan niat, pembayaran menggunakan harta pesalah.
 - (ii) Bunuh separuh sengaja, pembayaran menggunakan harta keluarga pesalah lelaki (aqilah)

- 3) Pembayaran ini dibuat dalam tempoh tiga tahun.
- 4) Setiap tahun satu pertiga diat. Apa yang dimaksudkan dengan keluarga pesalah lelaki ialah 'asobah pesalah selain daripada zuriat dan keturunannya.

2.4.3 Pembunuhan Tanpa Niat atau Tidak Sengaja.

Pada dasarnya pembunuhan tanpa niat ialah pembunuhan yang dilakukan oleh seseorang tanpa niat membunuh dan tidak bertujuan untuk membunuh.

2.4.3.1 Bentuk Pembunuhan Tanpa Niat Atau Tidak Sengaja

- 1) seseorang yang terjatuh lalu menghempap orang lain hingga menyebabkan kematiannya.
- 2) Ataupun seseorang yang ingin memburu tetapi tertembak orang lain. Ataupun dia mahu menembak seseorang tetapi tertembak orang lain.

2.4.3.2 Hukum Pembunuhan Tanpa Niat Atau Tidak Sengaja

Pembunuhan tanpa niat melibatkan dua hukuman iaitu hukuman agama (akhirat) dan hukuman mahkamah (dunia).

Hukuman agama (akhirat) ialah diampunkan tanpa sebarang dosa dan hukuman. Ini kerana perbuatan yang dilakukan tidak disengajakan dan tanpa sebarang niat.

Diat Bunuh Tanpa Niat

- 1) Diat mukhaffafah
- 2) Diat bagi jenayah membunuh tanpa niat juga berjumlah 100 ekor unta tetapi dibahagikan kepada 5 jenis:
 - (i) 20 ekor anak betina *makhadh* iaitu unta betina berumur genap satu tahun.
 - (ii) 20 ekor anak betina *labun* iaitu unta betina berumur genap dua tahun.
 - (iii) 20 ekor anak jantan *labun*.
 - (iv) 20 ekor *hiqqah*.
 - (v) 20 ekor *jazaah*.
- 3) Pembayaran juga dilakukan oleh keluarga pesalah lelaki .
- 4) Dibayar dalam tempoh tiga tahun.

BAHAGIAN 3

TAKZIR

3. TAKZIR

3.1 Pengertian Takzir

Pengertian dari Segi Bahasa: Menolak atau menghalang.

Pengertian dari Segi Istilah: Takzir adalah hukuman yang tidak ditetapkan kadarnya oleh syarak yang wajib sebagai hak bagi Tuhan atau manusia pada setiap maksiat yang tiada padanya hukuman hudud dan juga kafarah pada kebiasaannya.

3.2 Dalil Pensyariatan Takzir

Sebagaimana Firman Allah SWT dalam Surah al-Maa'idah (5) ayat 33:

إِنَّمَا جَزَاءُ الَّذِينَ يُحَارِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَسْعَوْنَ فِي
الْأَرْضِ فَسَادًا أَنْ يُقَتَّلُوا أَوْ يُصَلَّبُوا أَوْ تُقَطَّعَ أَيْدِيهِمْ
وَأَرْجُلُهُمْ مِمَّنْ خَلْفًا أَوْ يُنْفَوْا مِنَ الْأَرْضِ ذَلِكَ لَهُمْ
خِزْيٌ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٣٣﴾

Bermaksud: Hanyasanya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan Rasul-Nya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi ialah dengan dibalas bunuh (kalau mereka membunuh sahaja dengan tidak merampas), atau dipalang (kalau mereka membunuh dan merampas), atau dipotong tangan dan kaki

mereka bersilang (kalau mereka merampas sahaja), atau dibuang negeri (kalau mereka hanya mengganggu ketenteraman umum). Hukuman yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka, dan di akhirat kelak mereka beroleh azab seksa yang amat besar. (33)

Sebagaimana berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam an-Nasaie (4891) dan Imam Abu Daud (3630):

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَبَسَ رَجُلًا فِي تَهْمَةٍ

..

Bermaksud: “Bahawa Rasulullah SAW pernah menjatuhkan hukuman penjara terhadap pelaku tuduhan palsu ..”

Namun hukuman penjara seperti yang dilakukan oleh Rasulullah SAW di sini bersifat sementara sehingga permasalahan menjadi jelas.

Dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari (6850), daripada Hanik bin Nayar RA bahawa beliau pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَجْلِدُوا فَوْقَ عَشْرَةِ أَسْوَاطٍ إِلَّا فِي حَدٍّ مِنْ حُدُودِ اللَّهِ

Bermaksud: “Janganlah kamu menyebat lebih dari sepuluh kali sebatan melainkan dalam melaksanakan hukuman hudud yang telah ditentukan Allah Taala”

3.3 Syarat-syarat Pelaksanaan Takzir

- 1) Hukuman takzir hendaklah bertujuan menjaga kemaslahatan yang ditetapkan oleh Islam.
- 2) Hukuman dapat menolak keburukan atau mengurangkannya tanpa mendatangkan kemudharatan kepada masyarakat dan tidak menghina kemuliaan manusia.
- 3) Hukumannya sesuai dengan jenayah yang dilakukan.
- 4) Persamaan dan adil antara manusia.
- 5) Dijalankan oleh pemerintah.

3.4 Kesalahan-kesalahan yang Termasuk di Bawah Kategori Takzir

- 1) Kesalahan-kesalahan hudud atau qisas yang tidak cukup bukti untuk dikenakan hukuman hudud atau qisas.
- 2) Kesalahan-kesalahan khalwat, mencuri yang tidak cukup nisab dan sebagainya.
- 3) Perbuatan-perbuatan atau tingkah-laku maksiat yang boleh mengganggu ketenteraman awam seperti mengumpat, menipu, berjudi, rasuah, mengedar dan menyalahgunakan dadah dan lain-lain perkara yang boleh mendatangkan keburukan serta mengganggu gugat ketenteraman dan keselamatan masyarakat dan negara.

3.5 Jenis-jenis Hukuman yang Dikenakan bagi Kesalahan Takzir

Antara jenis-jenis hukuman yang dikenakan bagi kesalahan takzir adalah seperti berikut:

1) Nasihat.

Menasihati orang yang melakukan kesalahan kecil bagi pertama kali agar ia tidak mengulangi lagi pada masa akan datang.

2) Teguran.

Teguran rasmi yang dilakukan oleh hakim dengan mengeluarkan ucapan-ucapan atau melakukan sesuatu tindakan tertentu agar orang yang melakukan kesalahan akan berusaha untuk memperbaiki dirinya.

3) Ancaman.

Mengancam orang yang bersalah agar tidak mengulangi kesalahannya di atas sebab takut dikenakan hukuman.

4) Pemulauan.

Hukuman pemulauan dikenakan kepada pesalah agar ia berasa terasing sekiranya ia berterusan atau mengulangi kesalahannya, dengan sedemikian ia tidak dapat bergaul dengan orang lain dalam masyarakat.

5) Pengisytiharan umum.

Membuat pengisytiharan kepada umum terhadap kesalahan penjenayah supaya penjenayah berasa tertekan dan malu yang amat sangat.

6) Denda dan merampas harta.

Hukuman takzir dengan denda berbentuk kewangan dan merampas harta yang dimiliki oleh penjenayah.

7) Penjara.

Mengenakan hukuman penjara dalam tempoh tertentu mengikut pertimbangan keadaan semasa.

8) Sebat.

Mengenakan hukuman sebat kepada penjenayah dengan jumlah sebatan yang tertentu mengikut keadaan semasa.

9) Bunuh.

Hukuman bunuh bagi kesalahan takzir dibenarkan oleh syarak bagi menjaga kemaslahatan umum masyarakat.

10) Buang daerah.

Hukuman ini dikenakan supaya penjenayah berasa tertekan, mengalami kesusahan dan tersisih akibat dipisahkan dari kaum keluarga dan sahabat handai.

BAHAGIAN 4

KAEDAH-KAEDAH

PENSABITAN JENAYAH

4. KAEDAH-KAEDAH PENSABITAN JENAYAH

Terdapat beberapa kaedah pensabitan menentukan sesuatu hukuman itu boleh dilaksanakan agar tidak timbul ketidakadilan dalam hukuman. Secara umumnya, terdapat beberapa kaedah pensabitan jenayah dalam Islam:

- 1) Pengakuan (*ikrar*).
- 2) Keterangan saksi (*syahadah*).
- 3) Sumpah (*al-yamin*).
- 4) Bukti atau tanda-tanda (*qarinah*).

4.1 Pengakuan (*ikrar*)

Pengakuan adalah pemberitahuan tentang hak orang lain ke atas dirinya. Ia merupakan kenyataan atau pengakuan seseorang tentang sesuatu yang berlaku. Telah dipersetujui bahawa pengakuan penjenayah sudah cukup untuk menunjukkan kesalahan, dan berdasarkan pengakuan tersebut dia boleh dijatuhkan hukuman. Syarat-syarat pengakuan (*ikrar*):

- 1) Berakal.
- 2) Baligh dan mummaiyyiz.

Kanak-kanak yang mummaiyyiz boleh diterima ikrarnya jika dia telah diizinkan oleh wali atau penjaganya untuk

menjalankan perniagaan dan ikrarnya adalah terhad kepada perkara yang berkaitan dengan perniagaannya.

3) Sukarela dan sedar.

Bukan dalam keadaan paksaan dan mabuk atau khayal.

4) Tiada tohmah dalam perkara yang diikrarkan.

Tiada anggapan dan andaian mengenai kemungkinan ada sesuatu yang mempunyai kepentingan dengan orang membuat ikrar mengenai perkara yang diikrarkan

5) Ikrar mesti dibuat bersungguh-sungguh

Tidak diterima ikrar yang dilakukan dalam keadaan bergurau atau apa sahaja keadaan yang tidak menunjukkan kesungguhan dalam melakukan ikrar.

6) Perkara yang diikrarkan dan pembuat ikrar mestilah dimaklumi dan dikenal pasti.

Adalah penting dari segi keadilan untuk mengenal pasti pembuat ikrar bagi memberi peluang kepada sebarang pihak yakni pihak yang tertuduh yang diimplikasikan akibat daripada ikrar seseorang untuk mempertahankan dirinya atas implikasi ikrar tersebut.

7) Pembuat ikrar bukan orang yang *mahjur alaih* (dihalang menguruskan hartanya sendiri).

- (i) Kanak-kanak.
- (ii) Orang safih.
- (iii) Orang gila.
- (iv) Orang yang muflis.

Ikrar diterima bagi kes hudud dan qisas.

- 8) Ikrar mestilah munasabah dan tidak mustahil pada akal atau syarak. Sebagaimana contoh berikut:

Mustahil pada akal adalah seperti seseorang mendakwa dirinya adalah anak kepada seseorang yang lebih muda daripada dirinya.

Mustahil pada segi syarak pula jika seseorang yang mati meninggalkan seorang anak lelaki dan seorang anak perempuan dan kemudian anak lelaki itu membuat pengakuan bahawa pusaka itu dibahagi sama rata, maka pengakuan itu terbatal kerana syarak menetapkan lelaki akan terima dua bahagian daripada perempuan.

- 9) Syarat-syarat ikrar dalam kesalahan hudud

Ikrar depan hakim jika tidak ikrar tidak sah kerana sabitan berdasarkan ikrar bukan syahadah.

Bagi jenayah hirabah, mencuri, minum arak dan permasalahan Qisas, pengakuan dari pesalah menjadi bukti kesalahannya. Ulama telah berbeza pendapat mengenai bilangan pengakuan. Menurut Mazhab Hanbali, Syafie dan Maliki, pengakuan mestilah dibuat sebanyak dua kali didalam majlis yang berasingan. Manakala bagi kes-kes hudud yang lain memadai dengan sekali pengakuan sahaja.

4.2 Keterangan Saksi (*Syahadah*)

Keterangan saksi atau "*syahadah*" dalam bahasa Arab pada asalnya membawa maksud hadir. Keterangan saksi (*syahadah*) dari segi bahasa ia bermaksud perkhabaran yang pasti. Manakala dari segi istilah pula ialah memberitahu sesuatu perkara dengan lafaz yang khusus.

Keterangan saksi adalah sah menurut syarak berpandukan al-Quran dan sunah serta ijmak ulamak. Seseorang saksi yang

mahu memberi keterangan mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:

- 1) Islam.
- 2) Baligh.
- 3) Berakal.
- 4) Merdeka.
- 5) Adil, tidak mempunyai asas untuk ditohmah.
- 6) Boleh bercakap (tidak bisu).
- 7) Saksi mestilah seorang yang sedar lagi prihatin.

Kesalahan zina disabitkan dengan adanya penyaksian oleh empat orang lelaki yang adil. Bagi kes lain seperti curi, merompak, dan minum arak maka bilangan saksi adalah dua orang lelaki.

Dalam murtad, *fuqaha* (ahli-ahli fekah) berselisih pendapat dalam menentukan bilangan saksi sama ada dua atau empat orang lelaki. Pada pandangan kebanyakan *fuqaha* (ahli-ahli fekah) termasuk Imam Malik, Imam Auzaie, Imam Syafie dan ulama mazhab Hanafi, kesalahan murtad boleh disabitkan dengan dua orang saksi yang adil.

4.3 Sumpah (*Al-Yamin*)

Pengertian sumpah dari segi bahasa berasal daripada perkataan Arab, disebut '*yamin*' yang bermaksud kanan atau bahagian kanan. Perkataan '*yamin*' atau tangan kanan ini digunakan bagi merujuk kepada sumpah kerana apabila mereka bersumpah mereka akan berpegangan tangan kanan.

Pengertian sumpah dari segi istilah bermaksud salah satu pihak yang bertikai mengukuhkan pemberitahuan dengan menyebut nama Allah SWT atau sifat-sifat-Nya. Adab-adab yang patut diamalkan ketika bersumpah termasuklah hakim memberi amaran tentang sumpah, bersumpah hanya ketika berada di pihak yang benar, dan tidak bersumpah bohong.

Mengikut para fuqaha, ada tiga jenis sumpah yang mungkin berlaku di mahkamah. Pertamanya, sumpah pendakwa, keduanya sumpah yang terdakwa, dan yang ketiganya sumpah saksi. Syarat-syarat pelaksanaan sumpah (*al-yamin*) seperti berikut:

- 1) Islam.
- 2) Mukalaf.
- 3) Niat.
- 4) Sumpah dengan nama Allah SWT.
- 5) Orang yang didakwa menafikan hak orang yang mendakwa.
- 6) Sumpah dilakukan bersifat peribadi (*syakhsiah*).

4.4 Bukti atau Tanda-tanda (*Qarinah*)

Bukti atau Tanda-tanda (*qarinah*) ialah fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang lain dalam sesuatu kes. Ia juga sebagai tanda yang menunjukkan wujudnya sesuatu atau sebaliknya.

Dr. Wahbah Zuhaili mentakrifkan *qarinah* dari segi bahasa sebagai perkara yang menunjukkan maksud yang dikehendaki. Dari segi istilah undang-undang, *qarinah* ialah tanda-tanda zahir yang berkait dengan sesuatu yang tersembunyi yang menyatakan maksudnya.

Bukti atau tanda-tanda (*qarinah*) akan ada pada setiap kes, samada ia terdiri daripada *qarinah* yang kuat atau yang lemah. Bukti atau tanda-tanda (*qarinah*) ini boleh dilihat pada keadaan-keadaan zahir yang berlaku ketika kejadian, sebelum kejadian dan selepas kejadian.

Hanya bukti atau tanda-tanda (*qarinah*) yang kuat sahaja yang akan diterima pakai sebagai bahan bukti. Untuk menentukan samada sesuatu *qarinah* itu kuat atau tidak adalah bergantung kepada hakim yang membicarakan sesuatu kes. Penerimaan *qarinah* juga bergantung kepada fakta-fakta kes yang dibicarakan.

BAHAGIAN 5

KESIMPULAN

5. KESIMPULAN

Mempelajari ilmu fekah sangat penting kepada orang Islam dan kepada orang yang baru memeluk Islam untuk menjalani kehidupan berlandaskan ajaran Islam yang sebenar. Sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT melalui Rasulullah SAW. Ia bertujuan demi menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta.

Ketahuilah bahawa setiap sesuatu hukum yang ditetapkan itu mempunyai perintah dan larangan Allah SWT yang jelas membawa kita kearah kehidupan yang benar dan selamat. Dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari (52), daripada Abu Abdullah an-Nu'man bin Basyir RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الْحَالَالَ بَيِّنٌ، وَالْحَرَامَ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا مُشَبَّهَاتٌ لَا يَعْلَمُهَا كَثِيرٌ
مِّنَ النَّاسِ، فَمَنْ اتَّقَى الْمَشَبَّهَاتِ فَقَدْ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ،
وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ كَرَاعٍ يَرَعَى حَوْلَ الْحِمَى،
يُوشِكُ أَنْ يُوَاقِعَهُ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمَى، أَلَا إِنَّ حِمَى اللَّهِ
فِي أَرْضِهِ مَحَارِمُهُ، أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً: إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ
الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Bermaksud: *Sesungguhnya perkara yang halal itu jelas, dan yang haram itu jelas. Dan diantara keduanya ada perkara yang samar-samar (tidak pasti). Barang siapa yang menjaga dirinya dari yang samar-samar*

(tidak pasti), maka dia telah membersihkan agamanya dan kehormatannya. Dan barang siapa yang jatuh dalam perkara yang samar samar (tidak pasti) ini, maka dia telah jatuh dalam perkara yang diharamkan. Sebagaimana seorang penggembala yang menggembala (ternaknya) disekitar tanah larangan maka lambat laun ia akan masuk kedalamnya. Ketahuilah bahawa setiap raja memiliki larangan. Ketahuilah bahawa larangan Allah SWT adalah hal-hal yang diharamkan-Nya. Ketahuilah bahawa didalam tubuh (manusia) terdapat segumpal daging, jika ia baik maka baiklah seluruh tubuh. Dan jika ia rosak maka rosaklah seluruh tubuh. Maka ketahuilah bahawa segumpal daging itu adalah hati

RUJUKAN

- Web muftikl: Lihat al-Mabsut, 9/36; Fath al-Qadir, 7/119; Kasyaf al-Qina', 4/72; Al-Ahkam al-Sultaniyyah oleh al-Mawardi, hlm. 224; Nihayah al-Muhtaj, 7/72; Qalyubi, 4/205.
- "Penentangan Islam terhadap Penyalahgunaan Dadah Ditinjau Dari Sudut Sejarah dan Fatwa Ulama' Islam". Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. 1988. Kuala Lumpur.
- Ismail, Paizah. "Pelaksanaan Diyat dalam Kerangka Perundangan di Malaysia: Cabaran Fiqh Semasa". Jurnal Fiqh No. 9 (2012): Muka Surat 1-20. Print.
- Haiyon, Khairuddin. "Hukum Jenayah Islam". Jais.gov.my. N.p., 2017. Web. 3 May 2017.
- DIYAT. (2016). Majlis Dakwah Negara – MDN. Retrieved 3 May 2017, from <http://www.mdn.org.my/?p=3316>
- Muhammad Zaki bin Wahab. "Ikrar dan Peranannya Didalam Proses Pembuktian Menurut Sistem Keadilan Islam".
- Wahbah Zuhaili(1995) Fiqh Perundangan Islam. Dewan Bahasa & Pustaka.

BUKU TEKS KELAS PENGAJIAN ISLAM PERKIM

FEKAH

TAHAP LANJUTAN

ISBN 978-967-26036-3-2



PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM) 2021